

PERAK SEBELUM DAN SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA: SATU ANALISIS TENTANG NASIONALISME ORANG MELAYU

M.A. Fawzi Basri
Sekolah Pengajian Asasi, UUM.

Rencana ini adalah satu kajian tentang perkembangan Nasionalisme Melayu di negeri Perak Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua perjuangan politik atau Nasionalisme negara kita adalah dilakukan oleh orang-orang Melayu. Rencana ini adalah satu analisis yang mempamerkan pola pelakuan politik dan pertumbuhan Nasionalisme Melayu di Perak. Analisisnya meliputi pemikiran politik, semangat, kesedaran dan tindakan politik. Penubuhan Madrasah II Ihya Assyarif di Gunung Semanggol telah menjadi medan memperjuangkan bidang agama, pendidikan, ekonomi dan politik. Madrasah ini dan Madrasah-madrasah lain telah mencorakkan politik Malaysia. Pengaruh penjuangan rumpun Melayu di Indonesia turut mewarnai perjuangan politik di negeri ini. Selepas perang, Perak menjadi medan politik Melayu, khususnya partai radikal Melayu seperti PKMM, API dan AWAS yang akhirnya melahirkan PUTERA di Taiping dalam tahun 1947. Pertubuhan lain yang tumbuh mulai 1946 ialah Perikatan Melayu Perak dan Persatuan Melayu Perak. Dua Pertubuhan ini menjadi kerabat UMNO. Walaupun UMNO ditubuhkan di Johor Bahru, tetapi memulakan operasinya di Perak, apabila Dato' Bukit Gantang dilantik menjadi Setiausaha Agong UMNO yang pertama. Biro politik UMNO yang ditugas merancang protes Malayan Union juga dianggotai oleh ahli UMNO dari Perak. Kelahiran PAS juga dapat dikatakan bermula dari penubuhan partai Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol pada tahun 1948. Politik Melayu di Perak berubah mulai tahun 1950'an apabila halajuang politik Melayu dapat dikenalpasti pengasingannya melalui kehadiran orang Melayu dalam UMNO, PAS, NAP dan gerakan sayap kiri. Pengaruh Elit Tradisional juga turut berakhir dalam tahun 1950'an. Hal ini ternyata apabila Ghazali Jawi mengambil alih pimpinan UMNO Perak menggantikan Dato' Panglima Bukit Gantang (Presiden NAP) yang gagal mengasingkan UMNO Perak dari UMNO Pusat. Selepas tahun 1959, gerak politik Melayu dapat dilihat dengan kehadiran orang Melayu dalam UMNO, PAS dan DAP. Perkembangan dari tahun 1945 – 1959 telah mewarnai politik orang Melayu di Perak.

Nasionalisme merupakan suatu konsep yang mempamerkan ciri-ciri pemikiran dan tindakan politik yang berbagai. Beberapa orang penulis dan sarjana barat pernah membincarakan konsep ini seperti Kohn¹, Shafer², Smith³, Minogue⁴ dan Carr⁵. Terdapat perbezaan antara Nasionalisme di Eropah, Asia dan Afrika. Dalam konteks Malaysia, dalam konteks sebelum Perang Dunia Kedua, Nasionalisme itu ditakrifkan sebagai perasaan kebangsaan melayu, ini disebabkan orang Melayu merupakan rakyat Raja-raja di Negeri-negeri Melayu Semenanjung ini khususnya. Tidak dapat dinafikan bahawa sehingga tahun 1948, Semenanjung ini adalah milik tunggal orang Melayu. Nasionalisme Melayu adalah bertujuan untuk dijadikan alat bagi pengembangan fikiran, semangat dan tindakan politik orang Melayu bagi tujuan menegakkan nilai

dan institusi sebagai sebuah negara bebas dan melepaskan diri dari belenggu penjajah. Sehingga hari ini takrif Nasionalisme terus menjadi isu debat umum dan dari segi momokan politik hari ini disamakan Nasionalisme itu dengan 'Assabiyah'.

Memandangkan tafsiran yang berbagai tentang Nasionalisme, tidaklah menjadi tujuan kertas ini untuk meneruskan debat tersebut. Sebaliknya pengertian Nasionalisme Melayu yang hendak diperlihatkan ialah: Keazaman orang Melayu menentang penjajah British, keduanya pemikiran dan penggerak daya juang dan ketiganya tindakan politik dalam rangka pencapaian matlamat. Mungkin dapat kita rumuskan bahawa Nasionalisme itu sebagai suatu doktrin dan sejenis pelakuan politik. Dalam konteks Nasionalisme di Semenanjung ini ada sarjana yang menganggap bahawa tidak ada Nasionalisme di negara ini sehingga ke tahun 1963, katanya lagi Nasionalisme yang ada merupakan suatu metos.⁶ Ada juga sarjana tempatan yang menyebut Nasionalisme wujud mulai tahun 1946.⁷ Mungkin di Perak, jika Nasionalisme semata-mata ditafsir berdasarkan penentangan terhadap penjajah, maka Peristiwa Pasir Salak 1875 dapatlah dijadikan tarikh bermulanya Nasionalisme Melayu di negeri ini.

Kajian mengenai Nasionalisme Melayu telah dimulakan dalam tahun 1950'an oleh pelajar sejarah di Universiti Malaya di Singapura ketika itu seperti yang pernah dikaji oleh Radin Soenarno,⁸ Ishak Tadin,⁹ Alwi Jantan¹⁰ dan sebagainya. Dalam tahun 1960'an pula, Roff telah menghasilkan kajian tentang asal usul Nasionalisme Malayu.¹¹

Ada beberapa persoalan yang perlu dicarikan jawapannya dalam konteks Nasionalisme Melayu di negara ini. Pertama; dalam konteks hari ini apakah wujud Nasionalisme di Tanah Melayu ketika itu. Menurut Khoo Kay Kim¹², bagi orang India di Tanah Melaya sebelum Perang Dunia Kedua mempunyai hubungan yang rapat dengan negeri India dan perkembangan-perkembangan politik di India memberi kesan kepada mereka. Selepas tahun 1923 akibat dari pertikaian kaum di antara kaum Hindu dan Muslim di India, "maka kegiatan-kegiatan politik orang India di Tanah Melayu juga turut merosot..... Ringkasnya pola kegiatan politik kaum India di Tanah Melayu tidak jauh berbeza dengan pola kegiatan politik di negeri India"¹³

Mengenai kegiatan politik orang Cina di Tanah Melayu, dikatakan:¹⁴

"Maka dua sifat masyarakat Cina sebelum Perang itu dapat dilihat dengan jelas. Pembahagian di kalangan mereka amat tegas dan pada dasarnya mereka hidup di Tanah Melayu sebagai warganegara negeri China yang sentiasa mengambil berat tentang perkembangan perkembangan yang berlaku di sana. Orang China saja yang tidak tertarik dengan perkembangan-perkembangan di China iaitu orang China peranakan. Tetapi di kalangan mereka juga ada kekecualian. [Orang China peranakan inilah yang mengungkit dan menentang dasar pro-Melayu oleh Kerajaan British dalam tahun 1930'an.]

Berdasarkan pandangan Prof Khoo Kay Kim ini dapatlah dibuat tanggapan bahawa perjuangan politik atau Nasionalisme yang berpijak di bumi negara ini sebelum Perang Dunia Kedua adalah dilakukan oleh orang-orang Melayu. Adalah menjadi hasrat rencana ini untuk mempamerkan pola pelakuan politik yang berkait rapat dengan pertumbuhan perasaan kebangsaan atau Nasionalisme Melayu di Perak. Dari perbincangan seterusnya nanti dapat diperlihatkan pemikiran politik, semangat, kesedaran dan tindakan politik serta menilai pencapaianya.

Nasionalisme Melayu Perak Sebelum 1942: Faktor dan Perkembangan

Konsep politik orang Melayu pada asasnya merupakan suatu hasilan dari kehidupan masyarakat Melayu ketika itu. Sebelum kedatangan British masyarakat Melayu adalah sebuah masyarakat feudal dengan rakyatnya yang setia dan tidak berbelah bahagi itu. Sistem politik Melayu tradisi membahagikan penduduknya kepada dua golongan iaitu Pertama, pemerintah (Raja dan Orang Besar dan keduanya; golongan yang diperintah atau rakyat jelata.¹⁵ British meneruskan pengelompokan dan jurang itu dengan membudayakan pula anak Melayu melalui sistem pendidikan¹⁶ anak bangsawan Melayu dengan pendidikan Inggeris dan dilengkap dengan nilai-nilai barat, kebiasaannya anak raja dan bangsawan Melayu bekerja dalam perkhidmatan awam. Proses pembudayaan barat ini dilakukan dengan penubuhan Mactab Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1905. Manakala anak Melayu dari kalangan rakyat jelata diperkenalkan dengan sekolah rendah Melayu yang bermatlamat untuk menjadikan seorang anak nelayan atau anak tani sebagai seorang nelayan atau petani yang lebih cerdik daripada bapanya dulu¹⁷. Bagaimanapun berikutnya dari keperluan guru sekolah Melayu yang mendesak, setelah sekolah Melayu berkembang diserata negeri,¹⁸ maka di Perak Mactab Perguruan Melayu didirikan, iaitu Sekolah Perguruan Taiping¹⁹, Mactab Perguruan Melayu Matang²⁰ dan Mactab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim²¹.

Di Kuala Kangsar, kehadiran Haji Abdul Majid bin Zainuddin Sheikh Tahir (Guru Malek), Abdullah Al-Maghribi, Haji Idris al-Marbawi telah membantu meningkat pengetahuan orang Melayu melalui lisan dan penerbitan mereka.

Sekolah, Mactab dan Madrasah ini menjadi penggerak cepat kepada perpaduan orang Melayu.

Dalam tahun 1920'an dan 1930'an pula, kesedaran orang Melayu yang digerak oleh pendidikan dan persuratan, telah menajamkan lagi kesedaran mereka dengan kemelesetan ekonomi dan ancaman kuasa politik yang mencabar kesedaran dan maruah orang Melayu. Di sana sini tanah orang Melayu tergadai:

"Disebabkan di Kuala Kangsar ramai orang Melayu dan tuan-tuan tanah suka berjudi dan berjoli, inilah masyarakat Melayu yang paling terok. Oleh itu timbul kesedaran di kalangan guru-guru Melayu yang boleh dianggap satu golongan intelek Melayu yang dianggap oleh orang Melayu sebagai pemimpin-pemimpin yang terlibat juga dengan ceti. (Guru-guru

Melayu telah menubuhkan koperasi mereka bagi mengatasi masalah tersebut dan Guru-guru itu) sedar di Kuala Kangsar ceti-ceti dan cina-cina ‘ber-hariraya’ membolot harta orang Melayu menyebabkan tersiksa kehidupan orang Melayu.....²⁸

Malah Syarikat Bas Silver Lining yang diasaskan oleh orang Melayu dalam tahun 1937, bagi mengendalikan perjalanan Kuala Kangsar – Grik dan Taiping terpaksa bergabung dengan Syarikat Kenderaan Cina. Dengan percantuman itu diberikan nama baru iaitu Syarikat *Red and Yellow* dalam tahun 1939.

Kesedaran politik orang Melayu ternyata dalam tahun 1930'an, apabila akhbar-akhbar Melayu bertindak balas terhadap “penyuaraan bangsa asing yang menyatakan bahawa Semenanjung Tanah Melayu adalah kepunyaan segala bangsa”²⁹. Antara lain akhbar Melayu itu berpendapat:³⁰

Majallah Guru 1 Jun 1932

Bangsa yang hidup di sini telah penat menyeru supaya dapat timbangan kasih mesra dan sekarang bagi mereka menuntut hak yang kuat supaya lahirnya diakui oleh suatu puak iaitu rakyat Malayan yang telah menjadi orang Cina, India, Ceylon yang telah berketetapan di sini hendak berlawan kuat kerana mendapat hak sebagai rakyat negeri. Patutkah jadi kutu simpang hidup di atas titik peloh orang dan usaha bangsa lain; titik peloh tambah sendiri sahaja; perkataan itu terang sindirannya.

Akhbar Keluaran 8 Januari 1934 di atas rencananya mengenai “Siapakah itu Bangsa Melayu” telah menyatakan:

“Sekarang kita pulangkan paku buah keras siapakah bangsa Malayan itu yang suka menghasut, mengacau, mencucuk, membuat pesona kepada kerajaan supaya jangan mengutamakan bangsa Melayu seboleh-bolehnya bangsa mereka sahaja yang diampu oleh kerajaan.....”

Suara Benar keluaran 20 Januari 1933 menyatakan pendirian yang orang Melayu tidak mahu dianggap sebagai ‘Malayan’

“Oleh sebab hendak membezakan bangsa bumiputera dengan bangsa asing yang lazimnya digunakan pada di akhbar sehari, Melayu itu tertentu kepada bumiputera sahaja dan Malayan itu kepada Keling dan China.

"Pertumbuhan dan perkembangan pelajaran Melayu telah juga menelorkan pertumbuhan dan perkembangan persuratkhabaran Melayu. Di antara tahun 1900 – 1940 akhbar-akhbar dan majalah-majalah Melayu amat subur penerbitannya kerana orang-orang Melayu yang berpelajaran telah sedar pentingnya menyebarkan berita-berita harian di samping menyalorkan semangat kemajuan dalam bidang-bidang agama, ekonomi, sosial dan politik."²²

Di antara media cetak sebelum Perang Dunia Kedua yang mendapat pembacaan meluas dari orang Melayu ialah *Lembaga Melayu* (1914 – 1931), *Pengasuh* (1918 – 1937), *Cenderamata* (1923 – 1948), *Majallah Guru* (1924 – 1940), *Warta Ahad* (1935 – 1941), *Lembaga Melayu* (1934 – 1941), *Utusan melayu*, *Utusan Zaman* dan *Majlis*. Terdapat tidak kurang daripada 81 buah akhbar dan majalah dalam bahasa Melayu telah diterbitkan sejak tahun 1926 hingga 1940.²³

Kehadiran MPSI, sekolah-sekolah melayu dan Inggeris telah melahirkan intelejensi Melayu didikan Melayu dan Inggeris yang mempunyai semangat berpolitik. Di MPSI dalam tahun 1929 pelajar bergerak dalam beberapa pertubuhan yang tidak didaftarkan seperti Partai Nasional Semenanjung, Ikatan Pemuda Pelajar (1929) dan Ikatan Semenanjung – Borneo (1930).

Pendidikan sekolah Agama atau sekolah Arab turut memberi sumbangan dalam mengujudkan kesedaran dan perubahan dalam pemikiran politik Melayu Perak. Malah pendidikan agama adalah pendidikan asas bagi orang Melayu Perak sebelum kehadiran sekolah Inggeris dan sekolah Melayu. Terdapat dua bentuk pengajian agama, iaitu samada berbentuk pondok ataupun sekolah Arab biasa. Masyarakat Perak lebih mengetahui institusi sekolah agama dan Arab ini sebagai Madrasah. Dalam hubungan ini saya mengambil kawasan Kuala Kangsar sebagai satu contoh atau kajian kes.²⁴

Di Kuala Kangsar sebelum tahun 1922 terdapat Sekolah Pondok yang diasaskan oleh Haji Nawawi bin Haji Tahir. Dalam tahun 1922, Haji Nawawi mengasaskan sekolah Arab Idrisiah dan Mariah, iaitu sekolah yang dibiayai dari harta wakaf Sultan Idris dan sekolah itu diberi nama Sultan dan isteri baginda yang bernama Puteh Mariah, iaitu Raja Permaisuri Perak. Madrasah (sekolah) Idrisiah dan Mariah ini pada mulanya untuk anak-anak yatim lelaki (Idrisiah) dan kanak-kanak yatim perempuan (Mariah). "Maka pelajarannya terhad kepada bahasa Arab dan agama dan kemudiannya memberi persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah."²⁵

Dalam tahun 1924, muncul pula sebuah sekolah agama yang berlainan coraknya jika dibandingkan dengan sekolah Pondok dan Madrasah Idrisiah. Sekolah ini diberi nama Sekolah atau Madrasah Al-Diniah di Kampung Lalang, Padang Rengas. Pengasasnya ialah Sheikh AlJunid keturunan Mendaling dari Sumatera. Pelajar di sekolah Al-Diniah ini mempelajari matapelajaran Bahasa Arab, Agama, Bahasa Melayu, Matematik, Sejarah, Bahasa Inggeris dan pelajaran Pengurusan Perniagaan, dan menjalani praktikum seperti bersawah, bermiaga, berkebun getah, membuat kicap, sabun dan

kacang masin. Pelajar-pelajar Al-Diniah ini juga melaksanakan program khidmat masyarakat. Sekolah Al-Diniah ini ternyata menjadi sekolah melatih pelajar-pelajar berdikari “dan tidak lagi bergantung kepada bangsa asing dan menimpa bangsanya”²⁶. Sekolah Al-Diniah ini telah mendapat sambutan dari masyarakat Melayu sekitar. Berikutnya dari permintaan masyarakat setempat Sekolah Al-Diniah telah membuka cawangannya di beberapa tempat kebanyakannya di Mukim Kampung Buaya dan Lubok Merbau dan diberi nama-nama lain, di antaranya ialah:²⁷

- Madrasah Ridzuaniah di Padang Assam
- Madrasah Nasriah di Padang Rengas
- Madrasah Iztahdiah di Gapis
- Madrasah Palahiah di Kampung Buaya
- Madrasah Ziniah di Kroh Hillir
- Madrasah Iktosidiah di Kroh Hulu
- Madrasah Al-Bahariah di Paya Lintah
- Madrasah Sabian Ahmadiah di Laneh
- Madrasah Al-Hadi di Kampung Pauh

Dalam tahun 1934 telah ditubuhkan Madrasah *Il Ihya Assyariff*³¹ di Gunung Semanggol yang menjadi medan memperjuangkan bidang agama, pendidikan, ekonomi dan politik. Kemudian madrasah ini dinaikkan tarafnya sebagai Maahad atau Maktab. Dari segi politiknya, Guru dan pelajar Maahad ini melibatkan diri sebagai ahli Kesatuan Melayu Muda Cawangan Gunung Semanggol. Cawangan ini ditubuhkan dalam tahun 1940.³²

Peranan Madrasah atau sekolah-sekolah agama ini penting kerana di Perak kebanyakan institusi pendidikan Islam ini dipelopori oleh tokoh agama dari Indonesia.³³ Pemboyongan kolompok rumpun Melayu dari Indonesia ke Perak telah membantu pertumbuhan pendidikan agama dan semangat anti penjajah Eropah. Selain daripada sekolah atau Madrasah yang disebut sebelum ini terdapat Madrasah lain seperti Institusi Pondok Sheikh Haji Yunus yang berasal dari Sumatera di Batu Hampar dan kemudian berpindah ke Tanjung Tualang Sakah, Malim Nawar yang telah wujud sejak abad ke 18. Dalam tahun 1912 Kiyai Haji Salleh Abdul Rahman yang berasal dari Jawa Tengah³⁴ membuka Madrasah yang dikenali kemudiannya sebagai Madrasah Saadiah-Salihiah di Temoh.³⁵ Dalam tahun 1926 Sheikh Idris al-Marbawi yang juga berasal dari Sumatera membuka institusi pondok di Lubok Merbau. Mulai tahun 1930'an pula memperlihatkan pemboyongan orang Melayu keturunan Banjar dan memainkan peranan menubuhkan institusi pendidikan agama dan Arab ini seperti yang terdapat di Kuala Kurau dan Tanjung Piandang. Institusi lain yang dapat dicatatkan di sini termasuklah Madrasah al-Tarbiah al-Ziniyah, Ipoh; Madrasah al-Zainiyat, Bota Kiri, Madrasah al-Akhlik al-Islamiah, Masjid Tinggi Bagan Serai; Madrasah al-Islah al-Diniah Matang Kunda (1935) dan Madrasah al-Ulum al-Syairiah (1937)³⁶

Dari keterangan di atas juga dapat memperlihatkan pola-pola penempatan hasil dari pemboyongan orang-orang Melayu dari pelbagai keturunan itu. Dasar menggalakkan kemasukan orang keturunan Melayu dari Indonesia dalam tahun 1930'an

telah menyebabkan perubahan kepada pola penempatan, misalnya di kawasan pertanian padi banyak terdapat orang Banjar. Ini ternyata sekali di Bagan Datok dan daerah Krian. Manakala orang suku Melayu Mandeling, Rawa dan lain-lain terdapat di kawasan Lembah Kinta dan terpencar-pencar bersama masyarakat Melayu lain di kawasan Kinta, Perak Tengah, Hilir Perak dan agak ramai di daerah Hutan Padang. Manakala orang Melayu Perak jati dan mereka yang berasal dari Aceh dan Bugis sejak berabad lama masih menetap di penempatan tradisi iaitu di pinggir sungai Perak dan cabang-cabang sungai yang mengalir ke sungai Perak.

Dalam tahun 1930'an telah tumbuh melata kesedaran nasional di kalangan orang Melayu. Bagaimanapun mereka terpecah kepada dua aliran:³⁷

1. Kesedaran nasional atas dasar memperjuangkan Tanah Melayu untuk orang Melayu.
2. Kesedaran nasional atas dasar perjuangan hak hidup bagi seluruh rakyat yang tertinda supaya mendapat kemerdekaan. “Kesedaran inilah yang melahirkan idea Kesatuan Nasional Indonesia-Raya, iaitu menurut pandangannya, seluruh darah keturunan suku bangsa Melayu (Melayu-Archipelgo) wajib bersatu menjadi satu bangsa besar, yang berdasar pada ikatan persatuan; darah keturunan, seja-ras, peradaban/kebudayaan, bahasa, kedudukan alam, dan kepentingan hidup bersama.”

Dari dua aliran di atas itulah dapat kita memberikan pendekatan perjuangan orang Melayu khususnya sikap terhadap penjajahan dan perancangan pembinaan masa depan negara.

Dalam aliran pertama itu tergolong di dalamnya *PASPAM* (Persudaraan Sahabat Pena) yang ditubuhkan dalam tahun 1934 oleh Reformis melalui didikan Asia Barat. Sidang kebangsaannya yang pertama diadakan di Taiping pada 11 November 1934. Bagaimanapun PASPAM tidak kukuh kerana ketidakserasan orang Melayu dengan pemimpin PASPAM yang didominasikan oleh orang keturunan Arab dan India Muslim.³⁸ *PMPk* (Persatuan Melayu Perak) telah ditubuhkan pada 18 September 1937, sebagaimana negeri-negeri Melayu lain, Perak juga tidak ketinggalan menubuhkan Perasatuan Melayunya. PMPk bermula sebagai sebuah organisasi kebaikan³⁹ Ini dapat dilihat dari segi tujuan penubuhannya iaitu:⁴⁰

1. Menggalakkan kerjasama ahli-ahli
2. Meinggikan taraf pelajaran
3. Memberi peluang ahli taat kepada British
4. Mahukan kerajaan dan British memajukan orang Melayu.

Aliran politik Melayu dalam konteks kesedaran kebangsaan yang kedua dapat dilihat melalui penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dalam tahun 1937. Menurut catatan Ibrahim Yaacob, kelahiran KMM adalah sebagai rakan seperjuangan *Jong Java* di Indonesia. KMM adalah didokong oleh sebahagian besar pelajar Sekolah Teknik Kuala Lumpur dan Sekolah Pertanian Serdang.⁴¹

“dari kedua sekolah inilah turutnya Saudara Onan Siradj dan Mustafa Hussin ke dalam pimpinan KMM dan seterusnya KMM adalah organisasi politik nasional yang pertama bergerak meliputi seluruh Malaya yang bercorak New Cooperation.”

Ibrahim Yaacob mensifatkan pertubuhan Melayu di negeri itu sebagai dipimpin oleh kaum *burdjuis-feodalis* yang sedar tentang hak bangsanya tetapi bekerjasama dengan British.⁴²

KMM telah berkembang sebagai organisasi anti British. Tokoh KMM seperti Ibrahim Haji Yaacob, Ishak Haji Muhamad, Hassan Manan, A. Karim dan Isa Muhamad berjuang atas enam dasar pokok:

1. Persatuan Nasional (Unity)
2. Kemanusiaan (humanity)
3. Persamaan hak hidup (democracy)
4. Kemerdekaan nusa Melayu (liberty)
5. Rasa persaudaraan (fraternity)
6. Kebenaran dan kesucian.

KMM menggunakan akhbar *Warta Malaya* dan Majlis sebagai saloran perjuangannya. Sebahagian orang Melayu Perak memberi sokongan kepada KMM. Malah cawangan KMM yang pertama ialah di Perak, iaitu ditubuhkan di Taiping dalam tahun 1938.⁴³ Kemudian diikuti dengan penubuhan cawangan di Gunung Semanggol, Lenggong, Kuala Kangsar, Padang Rengas dan Tanjung Malim. Konsep ‘Melayu Raya’ yang diperjuangkan oleh KMM dapat menarik sokongan terhadap KMM. Dalam tahun 1938 KMM cawangan Perak terdiri dari:⁴⁴

Pengerusi	:	Mohd. Haniff Sulaiman
Naib Pengerusi	:	Ustaz Abu Bakar Baqir
Setiausaha/Bendahari	:	Pak Cik Ahmad
Ahli Jawatankuasa	:	Haji Yusof Mohd. Hanafiah Abdul Rahman Abd. Majid Sabil Haji Mohd. Zain

Perjuangan KMM yang mewakili ‘Rakyat Kelas Bawah; tidak disenangi oleh British. Tulisan pemimpin KMM Melaka *Warta Malaya* yang cuba membuka mata rakyat terhadap tindak tanduk penjajah, bolehlah dianggap sebagai kebangkitan semangat revolusi yang bertentangan dengan ‘Defence Regulation’ yang dikuatkuasa mulai tahun 1940’an itu. Akhirnya British menukar pucuk pimpinan KMM dan ahli-ahli yang aktif seramai 150 orang.

Di samping KMM, terdapat pula *Partai Komunis Malaya*⁴⁵ yang didominasi oleh orang-orang Cina.⁴⁶ Menjelang Perang Dunia Kedua, PKM mempunyai ahli seramai 37,000 orang⁴⁷. Walaupun pada tahap awal perjuangan PKM, organisasi ini bertanggungjawab mencetuskan mogok, tunjuk perasaan dan tindakan mengugat politik British, tetapi apabila Jepun menyerang Tanah Melayu, PKM dan Koumintang memberikan sokongan penuh kepada British dalam menghalang kemaraan Jepun. PKM mempelopori dan memimpin gerakan gerila yang dinamakan *MPAJA* (Malayan People Anti Japanese Army). MPAJA telah dibekalkan oleh British dengan senjata dan latihan ketenteraan. Menjelang tamatnya perang, pihak Tentera British menubuhkan Force 136 untuk membekal dan mengarahkan aktiviti gerila di negara ini khususnya.

Pendudukan Jepun di Perak

Serangan Jepun terhadap Tanah Melayu bermula pada jam 1225 tengahari, apabila angkatan Perang Divisyen Kelima Tentera Jepun mendarat di Singora dan Patani dan Angkatan Perang Divisyen ke 18 Tentera Jepun mendarat di Kota Bharu pada 8 Disember 1941⁴⁸. Pada 11 Disember, Changloon, Jitra, Alor Setar telah ditawan oleh Jepun. Tentera Jepun kemudiannya menguasai Kulim dan Pulau Pinang pada 18 Disember⁴⁹ dan mara ke negeri Perak.

Taiping telah dijadikan markas pemerintah tentera Jepun diketuai oleh Lt. Jen Ishiguro sebagai Panglima Divisyen ke 29 Tentera Darat Jepun. Di Kuala Lumpur pula ditempatkan Briged ke 70. Satu sistem pemerintahan tentera Jepun telah dilaksanakan mulai Februari 1942. Pemerintahan negeri Perak diketuai oleh Gabenor T. Kubota. Gabenor ini dibantu oleh dua orang Setiausaha, iaitu Raja Kamarulzaman Raja Mansor sebagai Ketua Setiausaha dan Wan Cik Bakar selaku Setiausaha Sulit.⁵⁰

Dalam bulan Julai 1942, Ibu Pejabat Polis Jepun dipindahkan dari Taiping ke bangunan Sekolah St. Michael Ipoh. Organisasi Polis juga diperkemaskan dengan penubuhan Keisatabu atau Ibu Pejabat Kontinjen yang mengandungi Jabatan:⁵¹

- | | |
|----------------------|--|
| Hoanka ⁵² | — (Polis hal ehwal ekonomi) seperti mengeluarkan lesen senjatapi, pelacuran, hotel, restoren, dsb. |
| Tokoka | — (Polis hal ehwal Politik) |
| Keimuka | — (Menjaga hal ehwal personelia dan hal ehwal Polis). |

Tokoka mengendalikan aktiviti anti Jepun untuk tujuan perisikan, *Keiji* (detektif) dan *Kitay* (informer) terdapat di merata-rata tempat seperti kedai kopitiam, tempat-tempat hiburan, hotel dan kedai judi. Tokoka menumpukan operasinya menentang gerila yang bermarkas di bukit batu kapur dekat Gopeng dan Simpang Pulai.

Jepun membahagikan pentadbiran Polis kepada 14 buah daerah atau *Sho Cho* iaitu Kerian, Kroh, Taiping, Kuala Kangsar, Sungai Siput, Ipoh, Batu Gajah, Tronoh, Kampar, Tapah, Telok Intan, Tanjung Malim dan Setiawan.⁵³ Tiap-tiap daerah Polis mempunyai tiga cawangan iaitu *Hoanka*, *Tokoka* dan *Keimuka*.

Pasukan Sukarela

Dalam tahun 1943 Pemerintah *Nampo-Gun* (Angkatan Tentera Maharaja Wilayah Selatan) mengumumkan penubuhan *Giyu-Gun* (Tentera Sukarela) dan *Giyu-Tai* (Kor Pasukan Sukarela), iaitu menarik penduduk tempatan bersama mempertahankan tanahair mereka. Pada 12 Januari 1944, Markas mengumumkan perbezaan fungsi pasukan sukarela.⁵⁴

- | | |
|-----------------|--|
| <i>Giyu-Gun</i> | — sebagai angkatan tetap bagi membantu tentera Jepun. |
| <i>Giyu-Tai</i> | — sebagai Pasukan Simpanan Sukarela yang ditubuhkan di daerah bagi tujuan pertahanan defensif. |
| <i>Hei-Ho</i> | — sebagai pasukan bantuan khas dan pada hakikatnya menjadi buruh atau orang suruhan Jepun. |

Pada pandangan pengkaji sejarah yang mengkaji tentang pendudukan Jepun di Perak:⁵⁵

"Most of the Malays loved uniforms and active outdoor life, and thus the formed the bulk of all the ununiformed force as it is today."

Dalam pada itu patut juga dicatatkan bahawa KMM memainkan peranan menyiapkan anak tempatan membebaskan negara dan bangsanya. Jepun cuba mendapatkan kerjasama KMM dengan membebaskan pemimpinnya yang ditahan British. Sikap Jepun itu:⁵⁶

"Oleh K.M.M. kesempatan itu digunakannya untuk melindungi akan keselamatan harta dan jiwa orang Melayu di seluruh Malaya dari ancaman tentera Djepang, tetapi akhirnya pada bulan Jun 1942 K.M.M. dilarang bergerak oleh pemerintahan tentera Djepang....."

Tindakan Jepun itu, menyebabkan K.M.M. mengubah taktik perjuangan membebaskan negara ini. K.M.M. membahagikan kegiatannya kepada dua iaitu: terus menunjukkan kerjasama kepada Jepun dan sambil itu KMM menjalankan gerakan bawah tanah secara bergabung dengan MPAJA⁵⁷ untuk melawan Jepun.

Pada mulanya sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu KMM membantu Jepun menentang British dengan syarat Jepun membantu dari segi kewangan, berjanji memerdekaan orang Melayu, kedaulatan Melayu, ugama dan adat resam terus dikekalkan dan wanita Melayu dan harta mereka dihormati. KMM juga meminta Jepun menyokong penubuhan

*negara Tanah Melayu yang merdeka dalam Persekutuan Indonesia Raya.*⁵⁸

KMM kecewa dengan sikap Jepun. Pihak Jepun mencadangkan supaya Ibrahim Haji Yaacob menerima tawaran jawatan Penasihat Hal Ehwal Melayu bagi Singapura dan Tanah Melayu. Ibrahim Haji Yaacob terpaksa menerima jawatan tersebut. Beberapa orang KMM pula menganggotai Sidang Pengarang Akhbar *Berita Mala* dan penerbitan Jabatan Propaganda Jepun. Mustapha Hussein, Ahmad Boestaman, Idris Halim dan Din Othman kecewa dengan tindakan Ibrahim Haji Yaacob dan keengganan Jepun memenuhi permintaan KMM menjadi kemerdekaan Tanah Melayu. Ahmad Boestaman dan Idris Halim kembali ke Ipoh dan berkhidmat dengan pejabat Propaganda di situ.⁵⁹

Apabila Jepun menubuh *Gku-Gun*, pegawai Giu-Gun terdiri dari pemimpin KMM. KMM mensifatkan Gui-Gun sebagai PETA (Pembela Tanah Air) dan mengharapkan hubungan yang rapat dengan rakan seperjuangan di Indonesia⁶⁰ Ibrahim Haji Yaacob telah dilantik menjadi pegawai Rendah dan berpangkat Leftenan Kolonel. Menurut Joyce C. Lebara "..... that public knowledge of this wartime activity would be a liability to Malays in public careers today."⁶¹

Dalam bulan Julai 1945 anggota KMM menubuhkan *KRIS* (Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung), setengah orang memahaminya sebagai 'Kekuatan Rakyat Istimewa'. Ibrahim Haji Yaacob dan Dr. Burhanuddin memimpin KRIS yang bertujuan untuk merdeka bersama Indonesia.

Di Ipoh, KMM telah membentuk *Barisan Pemuda* untuk menyelamatkan orang Melayu, Sultan dan pemimpin KMM yang dipenjara semasa perlakunya serangan Jepun.

Sementara itu Ahmad Boestamam sekembalinya ke Ipoh telah menubuhkan gerakan bawah tanah bersama Zulkifli Auni, Mokhtar al-Bakri dan Haji Ramli Said. Organisasi mereka diberi nama *KITA* iaitu singkatan daripada nama anggota Kiri Tanah Air. KITA bergerak menentang Jepun yang tidak menepati janji.

Ahmad Boestaman serta rakan-rakannya dari KITA dan Barisan Pemuda telah menerbitkan akhbar *Suara Rakyat*. Di antara rakan yang membantunya ialah Mohd. Hanif, Dahari Ali dan Musa Ahmad. Akhbar yang terbit di saat kejatuhan Jepun dapat mengerakkan pemikiran rakyat terhadap penjajah. Di saat itu juga MPAJA dan PKM menunjukkan taringnya, kata Ahmad Boestaman.⁶²

"Kalau Gerila MPAJA, Partai Komunis Malaya
dan lain-lain boleh menduduki bangunan-bangunan
yang mereka suka kenapakah pula kita tidak boleh."

Akhirnya KITA telah bertindak mengambil alih dan menduduki bangunan percetakan *Perak Shimbun* iaitu lidah rasmi pemerintahan Jepun. Ketajaman tulisan *Suara Rakyat* telah menarik perhatian Mokhtaruddin Lasso yang aktif dalam PKM dan MPAJA. Mokhtaruddin menawarkan bantuan membiayai penerbitan *Suara Rakyat*

tanpa syarat. Bantuan kewangan itu juga telah membolehkan penerbit Suara Rakyat, menerbitkan akhbar Inggeris *Voice of the People*. Akhbar-akhbar ini kemudian menjadi saloran bagi gerakan kiri di Semenanjung.

Bekas pemimpin dan anggota KMM yang bergerak dalam berbagai organisasi turut kecewa dengan sikap Jepun mengenai pelaksanaan memerdekakan Tanah Melayu.⁶³ Hanya di saat kekalahannya, pada bulan Julai 1945, pemerintah Jepun memberi pengakuan kepada pemimpin Melayu untuk memberikan kemerdekaan bersama Indonesia. Bekas pemimpin KMM bergerak ke seluruh negara untuk mendapatkan sokongan “Merdeka Bersama Indonesia”. Malah pada Ogos 1945 satu rundingan telah diatur di Taiping di antara pihak orang Melayu di Semenanjung yang diwakili oleh KRIS (diwakili oleh Ibrahim Haji Yaacob dan Dr. Burhanuddin) dengan rombongan Soekarno-Hatta dan juga pihak pemerintah Tentera Jepun di Tanah Melayu:⁶⁴

“Sesudah makan siang, berangkatlah rombongan itu ke Lapangan Terbang Taiping, di salah di satu kamar tamu di Lapangan Terbang itu, Soekarno-Hatta mengadakan pertemuan/rundingan singkat dengan Sdr. IBHY (Ibrahim Haji Yaacob) yang memberikan laporan, bahawa kemerdekaan Malaya turut bersatu dengan Indonesia, proklamasi kemerdekaan akan diumumkan pada antara minggu pertengahan bulan itu, dan dari Malaya direncanakan akan mengirimkan delapan delegasi ke Djakarta guna turut memproklamirkan kemerdekaan dan pembentukan pemerintahan sementara negara Republik Indonesia termasuk Malaya itu.”

Bagaimanapun tiga hari kemudian Jepun telah menyerah kalah. Soekarno-Hatta mengisyiharkan kemerdekaan Indonesia. Dengan itu hasrat KRIS untuk merdeka bersama Indonesia berkecai dimamah sejarah. Namun begitu KRIS meneruskan perjuangan kemerdekaannya. Di saat rakyat Indonesia bertempoh gagah kerana terlepas dari penjajah, di Kuala Lumpur pada 16 dan 17 Ogos 1945 orang Melayu yang berkesempatan menyokong perjuangan KRIS membaharui ikrar kemerdekaan.

Di samping itu juga apabila Jepun menyerah kalah Giyu-Gun atau PETA telah mengujudkan kesefahaman dengan MPAJA iaitu:⁶⁵

- a. Bersetuju dengan rancangan MPAJA/PKM menubuhkan Kerajaan Demokratik Tanah Melayu yang dipimpin oleh 7 orang Melayu, 5 Cina, 3 India dan 1 wakil kaum lain.
- b. KRIS/KMM terus menyediakan rancangan ke merdekaan Malaya bersama.

PETA telah diperintah ke Kuala Lumpur, untuk gerakan pembebasan. Pada 19 Ogos, kumpulan PETA yang diketuai oleh Mejar A. Manaf, Kapten Zakaria dan

Leftenan Mohd. Said beserta 280 orang lain-lain pangkat berlepas dari Singapura menuju Kuala Lumpur. Tetapi kontinjen PETA yang lengkap bersenjata ini disekat oleh pihak MPAJA di Muar. MPAJA menetapkan pendiriannya bekerjasama dan menyokong penjajah British dan meminta PETA dibubar. Pada 22 Ogos PETA telah dibubarkan.

Tempoh antara 15 Ogos 1945 hingga 5 September 1945 disifatkan sebagai satu tempoh kekosongan kuasa politik. Kesempatan ini digunakan oleh PKM yang menguasai MPAJA, untuk membala dendam kepada mereka yang disyaki bersubahat dengan pemerintah Jepun khususnya anggota Polis dan Pentadbir Melayu seperti Pegawai Daerah, Penghulu dan Ketua Kampung serta orang-orang Melayu yang dikatakan anti-Cina. Dengan menggunakan nama yang dikenali dengan Bintang Tiga, MPAJA telah mengambil alih pemerintahan dan mengganas selama 14 hari di negara ini menyebabkan meletusnya pergaduhan kaum antara Melayu dan Cina.

Keganasan *MPAJA* itu dianggap sebagai tindakan orang Cina terhadap orang Melayu. Oleh itu berlakulah pertentangan kaum yang paling buruk di Perak, khususnya di Sungai Marik⁶⁸, dari sini pergaduhan itu merebak ke tempat lain seperti di mukim Pasir Panjang Hulu, Kampung Gajah, Pasir Salak, Sungai Durian, Durian Sebatang, Hutan Melintang dan mukim Bagan Datok. Kesemuanya di kawasan Hilir Perak ketika itu. Tempat lain juga berlaku seperti di Sungai Bayor Selama⁶⁹, di Lambor Kanan⁷⁰, Layang-layang⁷¹ dan juga Peristiwa Pembunuhan Melayu di Bekor⁷². Orang Melayu telah bangun melawan keganasan Bintang Tiga dengan ‘parang panjang’⁷³.

Dapatlah dikatakan di sebalik kesukaran hidup dizaman Jepun, pendudukan Jepun merupakan satu rahmat yang terselindung kerana telah memperhebatkan kesedaran politik atau Nasionalisme orang Melayu. Jika dibandingkan dengan keadaan di zaman British sebelum perang, sistem pentadbiran British tidak mahu melibatkan penyertaan rakyat secara optima dalam pentadbiran negeri serta kejayaan British menawan keyakinan rakyat melalui penerimaan pasif rakyat terhadap prinsip-prinsip pemerintahan authoritarianism. Keadaan ini telah menyebabkan reaksi politik orang Melayu agak lembab. Oleh kerana itu juga penyertaan orang Melayu dalam parti radikal⁷⁴ tidak menyeluruh dan tidak berkesan⁷⁵. Ketidak-kesanannya partai-partai radikal terjadi atas beberapa faktor seperti perbezaan nilai dan world-view, tekanan British terhadap gerakan yang dapat menyedarkan Melayu dan kegagalan parti radikal ini mengujudkan satu suasana nasional dari dasar-dasar yang diperjuangkan dan sikap yang berubah-ubah terhadap kedudukan kaum imigran.

Negeri Perak menjadi tapak perjuangan parti radikal di Tanah Melayu, iaitu apabila PKMM (Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya) ditubuhkan di Ipoh pada 17 Oktober 1945. Konggeres PKMM yang pertama diadakan di Dewan Bandaran Ipoh pada bulan November 1945. PKMM dipimpin oleh Mokhtaruddin Lasso selaku Yang DiPertua, manakala Dr. Burhanuddin menjadi Naib Yang DiPertua Agungnya⁷⁶. PKMM menggunakan akhbar *Suara Rakyat* sebagai saloran perjuangannya:⁷⁷

"Menerusi tajuk-tajuk rencana *Suara Rakyat* inilah saya (Boestamam) tanpa berkulit-kulit lagi meluahkan perasaan dan semangat yang berkobar-kobar, mendengung dan melaungkan hasrat kemerdekaan bangsa dan tanah air, dengan tidak takut-takut sedikit juga."

Selepas itu muncullah cawangan PKMM di Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Bagan Serai, Gunung Semanggol dan Selinsing, Dinding, Lekir, Batang Padang, Tanjung Malim, Bidor, Behrang Station, Slim Village, Selama, Kuala Kangsar, Padang Rengas, Manong, Trong, Matang dan Kinta. Di Perak ini juga lahir sayap pemuda dan wanita PKMM iaitu API dan AWAS.

Malayan Union,⁷⁸ antara perpaduan dan perpecahan.

Pada 5 September 1945, negara ini diletakkan di bawah pentadbitan Tentera British(BMA) sebagai langkah sementara membentuk kerajaan awam yang baru. Ketika itu juga kerajaan British merangkakan perlembagaan baru yang mengandungi beberapa pembaharuan yang dikatakan perlu untuk masa depan Tanah Melayu. Bagi membuat persediaan asas secara undang-undang, kerajaan British telah menghantar Sir Harold Mac Michael ke Tanah Melayu dalam bulan Oktober 1945. Tujuan Mac Michael adalah berunding dengan Raja-raja Melayu bagi mengadakan perjanjian politik yang baru. Raja-raja Melayu telah menandatangani perjanjian itu tanpa menyedari perjanjian itu melupuskan kedaulatan Raja-raja dan juga kedudukan orang Melayu. Sebaliknya British menggunakan persetujuan tersebut bagi mengisyiharkan penubuhan kerajaan "Malayan Union". Penubuhan Malayan Union inilah yang telah membangkitkan kesedaran kebangsaan orang-orang Melayu di seluruh pelusuk Tanah Melayu ketika itu.

Malayan Union telah mengerakkan usaha penyatuan orang Melayu. PKMM pada mulanya dikatakan cuba mencari sokongan orang Melayu dengan cara mempersetujui *Malayan Union*, bagaimanapun usaha tersebut gagal dan "akhirnya PKMM Ipoh itu kembali kepada tiada mempersetujui Malayan Union itu."⁷⁹ Di antara pertubuhan Melayu yang sering bertelagah dengan PKMM ialah Persatuan Melayu Selangor (PMS). Pertelagahan dua organisasi ini dapat dilihat dari debat antara yang dikeluaran oleh saloran organisasi tersebut. PMS menggunakan akhbar *Majlis* manakala PKMM menggunakan akhbar *Suara Rakyat*⁸⁰. PMS kemudiannya menganjurkan satu konggres Melayu bagi membincangkan keburukan Malayan Union. Konggres Melayu ini diadakan di Kampung Bahru Kuala Lumpur dari 1 hingga 3 Mac 1946.

Konggres Melayu Menentang Malayan Union dan Menubuhkan UMNO

Bertempat di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Bahru itu, pada 1 Mac 1946 seramai 107 orang wakil dan 56 orang pemerhati telah hadir "manakala beribu manusia telah berkumpul di padang halaman kelab itu mendengar wakil-wakil itu membincang soal-soal yang dihadapi mereka dengan panasnya."⁸¹ Inilah perhimpunan yang paling besar, bersejarah dan menyeluruh diadakan dalam sejarah nasionalisme Melayu.

Negeri Perak juga diwakili oleh beberapa pertubuhan.⁸²

Perikatan Melayu Perak⁸³:

a. Wakil

1. Tuan Haji Abdul Wahab (Dato' Panglima Bukit Gantang – Ketua).
2. YM Raja Kamarulzaman Raja Mansor (Raja Kecil Tengah)
3. Encik Zainal Abdidin Haji Abbas (Dato')
4. Tuan Haji Ismail Hamzah (Mufti Perak)
5. YM Raja Haji Shahid Shah Raja Harun
6. Encik Sulaiman Darus

b. Pemerhati

1. Encik Wan Mohd Yusof (Dato' Panglima Kinta)
2. Encik Wan Mohd Nor Wan Mohd Nasir (To' Muda Orang Kaya Menteri)
3. YM Raja Azam Raja Kamarulzaman
4. Tajuddin Uda Isa
5. Mohd Nengah Haji Mohd Nor
6. Chik Mohd Yusof Sheikh Abdul Rahman
7. Encik Wahi Haji Mohd Ali
8. Megat Yunus Megat Haji Mohd Isa
9. Chik Puteh Mariah Ibrahim Rashid

Persatuan Melayu Perak

1. Encik Mohd. Tahir Setia Raja – Ketua
2. Tuan Sheikh Hamzah Mokti
3. Chik Saniah Mahmud (permerhati)

Persatuan Muslim Telok Anson

1. Encik Baharum Mahyuddin – Ketua
2. Encik Mohd Shahbuddin Mohd. Yusof

Persatuan Melayu Cenderiang

1. YM Raja Lope Shahruddin
2. Encik Othman Haji Mahmuddin

Persatuan Muhibbah Malim Nawar

1. Encik Ahmah Haji Abdullah

Manakala PKM turut diwakili dalam konggeres ini, sekurang-kurangnya tiga anak Perak mewakili PKMM, iaitu Dr. Burhanuddin, Zulkifli Ouni dan Ahmad Bustamam. Manakala pemerhatinya seramai 16 orang di antaranya ialah Dahari Ali dan Musa Ahmad.⁸⁴

Sikap, sambutan dan pandangan politik orang Melayu Perak ini dapat dilihat dari ucapan wakil mereka dalam konggres Mac 1946 itu.

1. Wakil Perikatan Melayu Perak⁸⁵ (The Malay League of Perak)

"Saya berdiri sebagai wakil daripada Perikatan Melayu Perak. Terlebih dahulu saya terangkan adalah Perikatan Melayu Perak menchampori Pertubuhan ini sa-takat yang boleh di-luluskan oleh undang-undang sahaja. Pada 27.1.1946 waktu ditubuhkan, ahli-ahlinya berjumlah 15,000 orang. Pada 23.2.1964 Perikatan Melayu Perak yang mengandungi 15 chawangan telah mengadakan persidangan sa-negeri (State Convention) dan pada masa itu ahlinya berjumlah 21,000 orang. Pada masa wakil ini bertolak ka-mari ahlinya berjumlah kira-kira 30,000 orang dan maseh bertambah-tambah bilangan-nya. Perwakilan yang datang ka-sini pada hari ini belum-lah mendapat tahu apa-kah tujuan yang hendak diadakan itu.

Undang-undang Perikatan Melayu Perak ialah untuk membangunkan satu kesedaran siasat (politik) diantara orang-orang Melayu Semenanjung sebagai umat bersatu menjalankan pentadbiran pada tanah air kita. Ucapan Presiden -nya satu sahaja, iaitu membangkang ujudnya Malayan Union."

2. Persatuan Melayu Perak⁸⁶ (The Perak Malay Association)

Persatuan Melayu Perak memberi ingatan kepada jawatankuasa mengarang undang-undang UMNO supaya membuat satu persediaan di dalam undang-undang itu iaitu menyediakan cawangan yang khas bagaimana asas dan dasar-dasar sekalian Persekutuan di dalam Semenanjung supaya tetap 41 persatuan mempunyai berbagai-bagai tujuan masing-masing yang akan jadi ahli-tiap-tiap satunya ada bertujuan yang beragam-ragam – kita berkehendak satu ikatan yang kuat. Dan lagi yuran kepada kumpulan wang yang akan memakai Setia Usaha Agong yang tetap dan penolongan-penolongnya semuanya berkehendakkan wang kerana hendak digaji.

3. Partai Kebangsaan Melayu Perak Se-Malaya⁸⁷

Menyatakan bahawa ahli-ahlinya tetap berdiri tegoh kepada dasarnya yang sejati menuju kepada Indonesia Raya dan berhubung rapat dengan dan serta seperjuangan dengan anak-anak Indonesia kerana kita satu bangsa. Kita sudah 350 tahun kena jajah dan sekarang kita sudah insaf. Kita akan bersama-sama dengan 75 juga umat bekerja untuk mencapai kemerdekaan dan di bawah bendera Merak Puteh.

Mengenai *Gagasan Malayan Union* wakil Perikatan Melayu Perak menyatakan:⁸⁸

Bahawa Kerajaan British hendak melajak dan menyegerakan ujudnya Malayan Union kerana Governor-governor dan Governor-General telah pun dilantik, rang undang-undang untuknya sudah pun dibahas di dewan pertuanan dan diluluskan.

Malayan Union berhaluan kepada berkerajaan sendiri dan hendak memberi hak sama rata antara satu bangsa dengan satu bangsa. Kerajaan British yang menjadi penaong itu mula-mulnua dikatakan hendak menolong kita, menjaga hak dan

hendak menolong kita, menjaga hak dan keselamatan bangsa kita, mithalnya daripada tarikh – kita dapat Selangor ada perbalahan diantara puak China – itulah sebabnya maka British telah dipanggil menjadi penasihat dan penaong. Wakil ini telah menyebat beberapa treaty-treaty telah diperbuat.

Dunia tamaddun sekarang ini bergunchang hendak menuahkan U.N.O. kerana menjaga hak-hak treaty negeri-negeri kecil diantaranya. Perang yang telah lalu disebabkan pihak Axis ngoyak dan mencampakkan treaty-treaty, sekarang perang perang sudah habis tetapi perbuatan seumpama yang dahulu itu hendak dijalankan pula semula. Di dalam bahasa Inggeris ada pepatah yang mereka megah-megahkan – “English man’s word is his bond.”

Sir Harold Mac Michael dikatakan telah menjalankan kerjanya dengan Raja-raja kita dengan “Good-will” kunun. Apakah “Goddwill” ini?

Perbuatan Raja untuk mesahkannya mestilah dengan Order dalam Council, tetapi belum ada diushtiharkan State Council telah ditubohkan, oleh itu adakah sah tandatangan Duli-duli Yang Maha Mulia itu. Adalah dikatakan chadangan Kertas Puteh itu datangnya daripada negeri British tetapi ada juga chadangan-chadangan daripada negeri ini. Kerajaan China sekarang telah mendapat sa-tinggi-tinggi taraf dalam dunia. Pada masa ini ada-kah ra'ayat China suka masok Malayan Union? Dalam perbahathan Malayan Union di Dewan Pertuanan telah tersebut tidak mahu mengadakan privilage minorities, iaitu semua bangga dipukul rata sahaja haknya. Hanyalah yang tinggal menjadi hak Melayu ialah Malays Reserve sahaja, itu pun menyedapkan hati pada masa ini sahaja. Saya perchaya di masa yang akan datang soal Malay Reserve ini akan timbul dengan tuntutan apa sebab Malay Reserve itu dikhaskan untuk Melayu sahaja. Dasar British yang telah terbukti selama ini iaitu chondong kepada suatu bangsa itu tidak ditarek pada masa ini. Kalau di India dan perbalahann itu akan berpanjangan menyebabkan tujuan berkerajaan sendiri tidak dapat dichapai. Satu lagi menurut tradition British mereka mesti mendengar suara ramai. (Hingga ini waktu mesyuarat ditangguhkan ke sebelah petang).

Sa-belah petang wakil Perikatan Melayu Perak pun meneruskan pembicharaannya dengan berkata bahawa perkara Malayan Union ini hendaklah difirkkan, dihalusi dengan sehalus-halusnya.

Saberka Kedah Wakilnya diantara lain-lain berkata jika Treaty baharu ini sah neschaya jadilah bangsa Melayu terta'alok selama-lamanya. Kalau dato' neneh kita dahulu tahun akan jadi bagini tentulah tidak redza mereka itu menurunkan tangan mereka, dan lagi kalau sah Treaty ini maka British bolehlah menjual atau menggadaikan negeri-negeri Melayu ini kepada kerajaan-kerajan lain. Kalau British ditakdirkan kalah dalam sa-satu peperangan maka kita tidak dapat menuntut kemerdekaan kerana hak Inggeris. Kerana Malayan Union ini menghanchorkan nasib Melayu maka hendaklah Malayan Union itu kita leburkan, biarlah kita rugi dalam suatu keturunan asalkan sa-ribu keturunan akan datang selamat.

Wakil PKMM yang sebahagian besarnya dipimpin oleh anak negeri Perak dengan lantang menyatakan pendiriannya:⁸⁹

'Party Kebangsaan Melayu Sa-Malaya antara lain-lain wakil-wakil-nya berkata bahawa PKMM telah mengetahui terlebih dahulu yang chadangan Malayan Union itu buat Malayan telah ada dipaksakan kepada Sultan-sultan Melayu di Malaya, silalah semak kembali buah butir di Federal Council Sharahan Tuan J.H.M. Robson, Jun 1922 dan 17 November 1923 dan kemudian sekali dalam Legislative Council 23 October 1922. Pada masa itu masa lapang dan masa kemewahan, masa Sultan-sultan Melayu berani berterus-terang, dengan tidak sama sekali mem-persetujukan Malayan Union itu. Tetapi di dalam masa yang genting sa-genting-gentingnya ini, masa rakyat jelata baharu u lepas dari chengakaman terus sahaja peluang ini diambil oleh British dengan menghantar wakil mutlak untuk mengambil kuasa Sultan-sultan Melayu di Malaya ini.

Inilah juga yang menyebabkan berlakunya Kongress Kebangsaan kita di-hari ini sa-telah merasa puas dengan bangkangan-bangkangan, telegram-telegram, cablegram-cablegram dan perarakan-perarakan sa-hingga datang tudohan-tudohan mengatakan Sultan-sultan Melayu telah tertipu, tetapi PKMM bersedia menerangkan jikalau sa-benar-nya akuan kita sekarang ini bahawa surat akuan Sultan-sultan Melayu itu tidak sah, maka tidaklah kita akan undor daripada melawan terus, dan terus membangkang Kertas Puteh itu dengan chara diplomacy yang halus. Dia sudah tipu kita. Kita sudah diajar chara menipu dalam politik dan jika demikian tidak-kah terlebih baik kita tidak mahu sama sekali dengan kertas puteh itu melainkan kita mempadukan pemerintahan Malaya jadi satu dengan tuntutan Malaya Merdeka. Malaya di-perentah oleh Melayu sendiri untuk umat Melayu. Lagi sakali PKMM menjelaskan kita menuntut terus – habis perkara. Ini-lah balasan menipu kita, dan kita mesti berjaya – Insha-Allah.

Menurut pandangan PKMM bahawa kita mestilah berkeras. Kita berkeras denganada-nya bangsa Melayu Malaya chuma sebanyak 2½ juta, maka jumlah sa-bangsa asing di Malaya telah melebihi kita. Maka jikalau kita berkeras akan berbangkit-lah lagi kejadian pergadohan kita dengan bangsa asing di Malaya sa-bagaimana yang telah berlaku dalam tiga bulan berturut-turut sampai ka-masa ini maseh ada lagi. Dalam

perkara ini PKMM menjelaskan supaya ka-semuanya para sidang perwakilan bangsa Melayu hari ini akan memikirkan hal ini dengan luas dan jangan-lah dengan chara gopoh. Ingatlah dunia menuntut membina keamanan dan keadilan. Dunia kita pada hari ini ia-lah dunia atomic age yang mencheri suatu ikhtiar besar mendirikan keamanan dunia International dan telah timbul ada-ya U.N.O. yang mana pehak British telah menjadi satu daripada anggota-nya, maka dengan itu nyata-lah dunia hari ini telah memakai undang-undang International dan undang' yang dijalankan oleh British di-Malaya pada masa ini ia-lah undang-undang menjaga keamanan dengan tidak menggunakan kekerasan. Jika kekerasan di-gunakan juga maka nyata-lah pehak British telah melanggar chapter I article II dan nombor 4, bahkan kedudukan kita dalam soal Malayan Union yang kita persoalkan pada hari ini.

Dalam soal ini PKMM menjelaskan bahawa PKMM tetap tidak mempersetujukan dasar Kertas Puteh itu, tetapi menuntut supaya Malaya di-jadikan satu pemerentahan yang merdeheka dan suka ketetapan PKMM ini di-sertai oleh British pada menyempurnakan Malaya merdeheka dengan sa-berapa chepat mungkin.

Inilah salinan undang² U.N.O:—

Bab yang pertama dalam UNO charter. Peristihaar tentang tanah² jajahan yang belum berkerajaan sendiri. Fasal 73:—

Anggota2 dari negeri2 bersatu yang bertaggong-jawab tentang mentadbirkhan tanah2 jajahan yang belum menchapai taraf berkerajaan sendiri yang sa-penoh-nya mengaku memegang rukun yang mengutamakan muslihat2 jajahan, serta mengaku sa-bagai amanah yang suchi akan memajukan dengan sa-habis2 tenaga untuk kebajikan2 pendudok2 tanah jajahan menurut chara menjaga keselamatan dan keamanan antara nangsa yang telah di-chiptakan oleh ikrar yang ada sekarang ini. Dan oleh kerana itu:—

- (a) Kuasa2 yang telah di-amanhkan menjaga keselamatan tanah2 jajahan masing2 akan menjamin dan menghormati keselamatan ra'ayat masing2 dalam usaha ra'ayat memelihara kebudayaan mereka dan memajukan taraf politik, economy, masyarakat dan pelajaran mereka

lankan oleh British maka yang dimikian kenalah pada tempatnya. Apakah dosa kita umat Melayu maka hendak di-jatohkan hukum yang tsa-bigini berat pada hal di-dalam peperangan yang telah lalu ini kita tidak champur dan mengikut dasar British. Orang Melayu tentu-lah akan dapat balik negeri-nya dan juga Petani, tetapi ta' usahkan bagitu semua-nya sekarang habis lingkup belaka.

Permintaan Melayu kepada British hanya-lah sadikit sahaja, boleh dilafazkan dengan perkataan Inggeris sahaja ialah "Malays as you were"! Kita di-sini bersidang dan berbuuh-buih mulut kita berbahath perkara Malayan Union pada hal pentadbiran tentera British sebok tergesa-gesa bersedia hendak menyambut Malayan Union. Saya chadang-kan patut kita menghantar bantahan kepada Pentadbiran Tentera British.

Dua resolusi penting telah dirumuskan oleh Kongress ini,⁹⁰ iaitu persetujuan melancarkan kempen seluru negara bagi membantah penubuhan Malayan Union, dan keduanya bersetuju menubuhkan sebuah badan kebangsaan yang menyatukan orang Melayu yang akan menjadi penggerak bagi orang Melayu menentang Malayan Union serta perjuangan untuk kemajuan orang Melayu. Akhirnya UMNO telah ditubuhkan secara rasmi di Johor Bahru pada 12 Mei 1946.

Perjuangan dan perpaduan orang Melayu menerusi UMNO berjaya menentang Malayan Union ciptaan British itu yang bertujuan untuk 'Mengajar Orang Melayu yang dikatakan pro-Jepun serta membala jasa penduduk bukan Melayu yang anti-Jepun.' Hal ini terbukti dalam perlumbagaan Malayan Union yang memberikan kerakyatan yang liberal secara Jus Soli. Kerakyatan secara ini telah disedari akan mengancam masa depan irang Melayu, melesetnya kuasa dan kedudukan Sultan juga menjadi isu penting penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union. Menurut seorang penulis:

'Suasana politik selepas perang di Tanah Melayu menunjukkan bahawa, dengan dasar-dasar Inggeris yang pro-urban itu, kaum imigran telah berjaya menonjolkan satu peranan yang rasaksa, walaupun *artificial*, seolah-olah mereka memperjuangkan tuntutan-tuntutan yang legitimate'⁹¹

Bendera Yang Membawa Perpecahan Melayu

Tahun 1946 dapatlah dikatakan buat pertama kali seluru organisasi Melayu bersatu tenaga mengganyang Malayan Union. Namun demikian perbezaan pendekatan perjuangan dan kelainan matlamat menjadikan hubungan UMNO dengan PKMM⁹² umpama retak menanti belah. Dalam persidangan pertama UMNO dalam bulan Jun 1946 di Ipoh, PKMM telah bertindak keluar dari IMNO setelah cadangan PKMM mahukan bendera *Sang Saka Merah-Puteh* dijadikan lambang UMNO dikalahkan dengan kelebihan satu suara sahaja.⁹³

sendiri dan menjamin memelihara ra'ayat dengan baik serta menjaga supaya jangan terjadi tindakan yang harus mengancam keselamatan.

- (b) Memajukan tanah jajahan menuju kepada berkerajaan sendiri. Mengakui chita2 ra'ayat menjalankan dasar2 politik masing2 politik dengan bebas, menuntut keadaan yang ada di tempat masing2 ra'ayat mengikut taraf kemajuan masing2.
- (c) Memperkokohkan lagi keamanan dan keselamatan antara bangsa2 di-dunia.
- (d) Memajukan langkah2 chara membina kemajuan tanah2 jajahan, menggalakkan penyelidekkan dan bekerjasama antara satu dengan lain di-mana dan bila masa sahaja yang patut dengan mengadakan antara bangsa yang terdiri pakar2 yang mahir untuk menj-

Manakala Persatuan Melayu Perak pula:

"antara lain2 telah menyebut Malayan Union itu di-katakan kerana merengkaskan perentah tetapi yang sa-benar-nya menjadikan kusust. Dahulu orang-orang Governor sahaja sekarang tiga. Satelah menyebut perkara2 treaty seperti Treaty Pangkor. British menyedap-kan hati kita dengan tawaran hendak mengekalkan Malay Reserve. Di-dalam perkara ugama jika di-perbiarkan Governor memerentah-nya neschaya barangkali kelak memungut zakat pun ta'boleh boleh jadi berpuasa pun tidak di-benarkan kerana melemahkan badan mendatangkan kekurangan hasil negeri, jangan2 naik haji pun tak' dapat bahkan ratib di-masjid pun ta'dibenarkan sebab China takut.

Perbuatan memasokkan Pulau Pinang dan Melaka itu ia-lah suatu umpan yang kecil bagi si-pengail yang bijaksana hendak mengail ikan yang besar.

Berkenaan Sultan-sultan kelak konon-nya Duli Yang Maha Mulia itu akan boleh menchampori hal lain negeri pada hal Raja hanya jadi penasihat, dahulu British jadi penasihat dan nasihat itu mesti di-jalankan oleh Sultan, tetapi jika nasihat Sultan itu mesti di-ja-

Bagaimanapun kes bendera itu adalah suatu alat yang digunakan untuk menguji pasaran politik PKMM sendiri, dan menanti peluang untuk menarik diri UMNO secara politiknya. PKMM sebenarnya tidak berpuas-hati dengan jumlah perwakilan yang ditetapkan sebanyak dua orang bagi sesebuah gabongan UMNO, mereka berpendapat PKMM wajar diberi perwakilan yang besar kerana bilangan ahlinya ramai. Oleh itu peraturan undi dalam UMNO itu dianggap tidak demokratik. Bagaimanapun jelas sekali PKMM bertindak keluar sesudah memikirkan untuk bergerak bebas memperjuangkan cita-cita kemerdekaan penuh bagi Tanah Melayu, dan mahu mengubah pandangan UMNO dari luar. Dengan tempikan '*merdeka*', perwakilan PKMM keluar dari persidangan, meninggalkanesan bermulanya perpecahan politik Melayu serta memperakukan kehadiran perbezaan dalam pendekatan dalam konteks nasionalisme Melayu.

Revolusi dan PKMM: Padamnya Api yang Belum Membakar

Perjuangan UMNO telah berjaya membuat Kerajaan British bertuju menu buhkan satu kerajaan awam yang baru berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang ditandatangani oleh Raja-raja Melayu pada 1 Februari 1948. UMNO, wakil Raja-raja Melayu dan wakil Kerajaan British bersetuju membentuk *Persekutuan Tanah Melayu* dalam tahun 1948, bagi menggantikan Kerajaan Malayan Union.

PKMM telah menentang usaha menu buhkan Persekutuan Tanah Melayu sejak dari mula lagi. Pada 22 Februari 1947, di Kuala Lumpur PKMM, API, AWAS, BATAS, MATA dan GERAM (Gerakan Angkatan Muda) telah dipadukan tenaga dalam perjuangan mereka dan organisasi ini bergabung memakai nama baru iaitu *PUTERA* (Pusat Tenaga Rakyat Malaya). Pada 5 Oktober 1947 di Taiping berlangsung persidangan perwakilan negeri Perak. Sidang ini telah membantah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ciptaan UMNO dan British, sebaliknya mereka mahu dilaksanakan Perlembagaan Rakyat yang dicadangkan oleh PUTERA dan AMCJA⁹⁵ iaitu sebagai mewakili rakyat Melayu dan bukan melayu.

AMCJA menggariskan enam perkara dasar iaitu pembentukan negara Malaya termasuk Singapura, mengadakan Dewan Undangan Pusat yang dipilih oleh rakyat, hak politik yang sama bagi semua orang yang menganggap Malaya sebagai tanah air dan tumpuan taat setia mereka, kedudukan Sultan sebagai Raja berlembagaan dan menerima nasihat rakyat, hal ehwal Agama Islam dan adat istiadat Melayu diletakkan di bawah pengawasan orang Melayu, dan perhatian khas haruslah diberi kepada kemajuan orang Melayu.⁹⁶

PUTERA menambah empat dasar penting baginya iaitu; Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal, pertahanan dan hal ehwal luar negeri menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Malaya dan British; kerakyatan Malaya haruslah dinamakan Melayu; dan merah dan putih haruslah dimasukkan sebagai bendera kebangsaan Malaya. Sikap PUTERA ini tidaklah menghairankan mereka ianya bersandar kepada dasar kebangsaan PKMM itu sendiri.⁹⁷

“..... yang menuju kepada tujuan besarnya berjiwa kepada lima rukun:

- 1) Ketuhanan yang Maha Esa
- 2) Kebangsaan
- 3) Kedaulatan Rakyat
- 4) Persaudaraan sejagat
- 5) Keadilan masyarakat

Bagaimanapun cadangan PUTERA-AMCJA yang disebut ‘Perlembagaan Rakyat’ itu ditolak oleh Kerajaan British. Tindakan partai kiri ini telah tidak menyenangkan British, langkah membendung anasir kiri ini dimulakan dengan kerajaan mengharamkan API pada 14 Julai 1947. Namun PUTERA-AMCJA terus bertindak secara aman dengan melancarkan *hartal* pada 20 Oktober 1947. Kehadiran dan pengaruh partai Komunis Malaya (PKM) menjadikan keadaan keselamatan terancam. Apabila Persekutuan Tanah Melayu diistiharkan penubuhannya pada 1 Februari 1948, PKM (Partai Komunis Malaya) bertindak melawan British. Berikutnya keadaan itu. Darurat diistiharkan. Di Perak, perintah darurat diistiharkan pada 16 Jun 1948 dan seluruh Tanah Melayu pada keesukan harinya. Dalam kuatkuasa Undang-undang Darurat inilah ramai pemimpin API ditangkap, seperti Ahmad Boestamam (Ketua API nasional di Perak), Harun Yahya (Ketua I API Tg. Malim), Rashid Ali (Ketua I API Padang Rengas) dan ramai lagi.

Selepas tangkapan ini PKMM dan API di negeri Perak bergerak secara sulit atau gerakan bawah tanah. Latihan ketenteraan telah dijalankan di Padang Rengas, Gunong Semanggol, Changkat Ibol dan Trong. Gerila API dan PKMM ini bersiap sedia membantu Pergerakan Rakyat Melayu Selatan Siam. Bagaimana pun pasukan gerila API/PKMM ini gagal melaksanakan operasi menentang British setelah pemimpinnya ditangkap dan dipenjara dalam satu gerakan pembersihan. Sementara itu beberapa orang yang berdamping rapat dengan anasir pro-komunis melarikan diri ke hutan dan keluar meninggalkan negeri Perak. Musa Ahmad, Kamarulzaman Teh dan Wahi Annuar dari Perak telah berhijrah ke Temerloh, Pahang. Di sana mereka menjalankan propaganda komunis di bawah arahan Abdullah C.D. atau Che Dat dan Chong Chin Nam⁹⁹.

Dalam tahun 1949, Partai Komunis Malaya bersetuju menubuhkan Regimen ke 10 Barisan Persekutuan Rakyat Malaya, iaitu gerombolan pengganas komunis Melayu. Abdullah C.D. telah dilantik menjadi Komandan dan komisaris Politik Regimen ke 10, Wahi Annuar (Timbalan Komandan) dan Musa Ahmad (Pegawai Politik)¹⁰⁰. Rashid Maidin yang ditahan di Muar dapat melarikan diri dan meneruskan perjuangan menentang British bersama PKM. Puncak dari penglibatan dan perjuangan anak Perak yang amat membencikan penjajah melalui PKM, ialah penubuhan Regimen ke 10 BPRM dan diketika rakyat Tanah Melayu kian hampir merdeka dalam tahun 1955, di ketika yang sama Musa Ahmad mencipta sejarah sebagai anak Perak dan orang Melayu yang pertama dilantik menjadi Pengerusi Partai Kominis Malaya, bagi meneruskan perjuangan komunis bagi membina sebuah Republik Rakyat Malaya.

UMNO: Tunggak Nasionalisme Melayu Menuju Merdeka

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 iaitu telah memulakan sejarah baru kenegaraan. Kemenangan bagi orang Melayu ialah berkuburnya Malayan Union, kembalinya kedudukan Raja-raja Melayu dan orang Melayu dalam politik negara. Bagaimana konsep kerakyatan secara *Jus Soli* yang ditentang oleh UMNO dan orang Melayu telah dipinda begitu juga struktur kerajaan. Bagaimanapun mulai 1 Februari 1948, orang Melayu tidak lagi boleh mengaku Tanah Melayu adalah milik tunggal orang Melayu, sebaliknya Tanah Melayu mula dikongsisama dengan orang bukan Melayu yang diterima menjadi warganegara melalui kuatkuasa perlembagaan Perikatan 1948 itu. Dengan itu bermulakan pergolakan dalam UMNO itu sendiri.

Dalam konteks politik Melayu di Perak, UMNO adalah suatu organisasi di peringkat awalnya, beribu pejabat di Perak¹⁰¹, iaitu 1946 – 1949. Walaupun UMNO ditubuhkan di Johor Bahru pada 11 Mei 1946.

Setiausaha Agung UMNO yang pertama ialah Dato' Panglima Bukit Gantang yang juga Yang DiPertua Perikatan Melayu Perak. Pada 29 dan 30 Jun 1946 dalam Perhimpunan Agung Kedua UMNO itu juga telah menyerahkan tugas biro politik dan khususnya merancangkan program menentang Malayan Union kepada ahli UMNO dari Perikatan Melayu Perak, atau disebut sebagai:

“Pejabat perkara-perkara siasah meliputi membantah Malayan Union diurus oleh Jawatankuasakuasa yang mengandungi:

1. Encik Zainal Abdin bin Haji Abbas (Pengerusi)
2. YM Raja Kamarulzaman
3. Encik Sulaiman bin Mat Darus
4. Encik Megat Yunus Haji Mohd Isa

Inilah suatu tugas dan kepercayaan yang diberikan oleh UMNO kepada pemimpin Melayu dari Perak ini. Rapatiraksasa umum telah diadakan di seluruh negeri, sementara itu beberapa strategi perundingan telah dirancangkan termasuk ura-ura menghantar tiga wakil UMNO ke London bersidang mengenai Malayan Union.

Di Perak dalam tahun 1946 itu juga, Mohd. Tahir Setia Raja yang mengetuai Biro Ekonomi UMNO telah melancarkan ‘Rancangan Iktisad UMNO 5 Tahun.’ Mohd. Tahir seorang Pegawai Syarikat Kerjasama telah memilih Perak sebagai projek percubaannya. Beliau telah mengasaskan penubuhan ‘Persatuan Peladang Melayu Perak.’ Persatuan ini bertujuan meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu melalui penubuhan syarikat pengangkutan, menubuhkan Bank Melayu, menjalankan urusniaga perdagangan borong dan ekspot-impor dan menebus tanah orang Melayu yang tergadai. Kematiian Mohd. Tahir Dato’ Setia menyebabkan rancangan itu tinggal rancangan semata “malahan semangat orang Melayu khususnya kakitangan kerajaan untuk bergiat dalam bidang ini sangatlah lemah, lebih-lebih lagi setelah UMNO berjaya mengujudkan kerajaan PTM (Persekutuan Tahan Melayu)¹⁰²

Ada kajian yang menunjukkan bahawa semasa UMNO beribu pejabat di Perak, UMNO menghadapi beberapa rintangan.

"Pada masa itu juga UMNO mengalami berbagai masalah seperti adanya penentangan dari PKMM khasnya dari AMCJA amnya. Begitu juga UMNO telah menggunakan berbagai cara untuk mendapat kerjasama dari pihak raja-raja Melayu. Namun begitu dalam banyak hal UMNO telah mendapat kerjasama dari pihak Inggeris yang sedar perjuangan UMNO pada asasnya tidak menggugat kepentingan penjajah Inggeris. Perhubungan kerjasama ini tidak menghairankan kerana ramai pemimpin UMNO menganggap kerajaan British sebagai *Benevolent protector*.¹⁰³

Selepas tahun 1946, kesedaran politik orang Melayu di Perak cukup nyata dan turut mencorakkan budaya politik di negeri itu. Mereka telah mengkaji kedudukan politik, ekonomi, agama dan pendidikan orang Melayu selama itu. Di sinilah peranan *Maahad I-Ihya Assyariff* Gunong Semanggol. Pada hari Sabtu 22 Mac 1947 seramai 2,000 orang terdiri dari alim ulama dan cerdik pandai dan usahawan Melayu dari seluruh negara telah berkumpul di Gunung Semanggol¹⁰⁴. Turut hadir adalah alim ulama dari Mesir, Arab, India dan Indonesia¹⁰⁵. Dari sidang inilah muncul resolusi dan terus menujuhan *PAPERMAS* (Pusat Perekonomian Melayu SeMalaya). Manakala resolusi dari Bengkel Agama telah melahirkan *MATA* (Majlis Agama Tertinggi SeMalaya). Sidang Gunong Semanggol ini juga bersetuju menaja perjuangan Islam dengan menujuhan *Lembaga Islam SeMalaya*. Persidangan ini ternyata mengaktifkan kebangkitan Islam sebagai suatu wadah perjuangan orang Melayu. Namun sidang itu juga jelas mencerminkan penyertaan dari kalangan kumpulan kaum muda. Sidang Gunong Semanggol ini menimbulkan beberapa implikasi iaitu suatu tampanan kepada kaum tua yang menguasai Jabatan Agama Negeri, dan PAPERMAS menjadi suatu saingan kepada projek memajukan iktisad Malaya anjuran UMNO. Bagi Maahad al-Ihya Assyariff itu sendiri, institusi jadi terumbang-ambil akibat peraturan partai kiri dan kanan dalam budaya politik Melayu:

"..... ada pula yang sudah terlanjur menyatakan MATA didirikan dengan kehendak dan bantuan bangsa-bangsa asing, MATA berdasarkan komunis dan macam-macam lagi sangkaan buruk..... tetapi sebenarnya MATA adalah suci kepada perkara ugama dan perjuangan ugama Islam bagi menjamin kehidupannya di samping menjamin bangsa Melayu....."¹⁰⁶

Bagaimanapun akhirnya MATA menampakkan pendiriannya pada 23 Februari 1948 apabila Jawatankuasa bersetuju diadakan konggeress penubuhan Parti Islam dan penubuhan Universiti Islam. Pada 28 Mac 1948 bermula sidang yang mendebatkan isu penubuhan Parti Islam. Pengaruh Parti Masjumi wujud berdasarkan lagu Selamat

Masjumi dinyanyikan oleh hadirin pada 14 Mac. Sidang bersetuju menubuhkan parti orang-orang Islam Malaya atau dikenal sebagai *Hizbul Muslimin*. Dasar parti Hizbul Muslimin ialah “Islam semata-mata bagi mencapai kemerdekaan bangsa Melayu yang berdaulat, menciptakan masyarakat berdasarkan Islam dan mencapai Tanah Melayu Darul Islam”¹⁰⁷. Utusan Melayu telah membuat liputan terhadap dasar, tujuan serta perjuangan Hizbul Muslimin¹⁰⁸. Di antara Jawatankuasa Penggubal Perlembagaannya ialah Ustaz Abu Bakar Al-Bakir, Dr. Burhanuddin, Abrab Tamim, Daud Jamid, Haji Ariffin, Osman Hamzah, Mohd. Asri, dan beberapa orang lagi.¹⁰⁹ Ketua umum Parti Hazbul Muslimin ialah Ustaz Abu Bakar al-Bakir, manakala Abdul Hamid Abdul dan Mohd Asri menjadi Setiausaha peribadi ketua umum.

Pada 6 Jun 1948 di *Il-Ihya* telah ditubuhkan sayap pemuda Hizbul Muslimin atau disebut *syabab* (*Syababul Hizbul Muslimin*)¹¹⁰. Ustaz Osman Hamzah dilantik menjadi Ketua Satu Syabab, Baharuddin Latif (Ketua Dua), Khidir Khatib (Penasihat) dan Mohd. Asri sebagai penyelidik.

Hizbul Muslimin berpendirian politik orang Melayu tidak dapat dikongsikan dengan bangsa asing walaupun kita harus bekerjasama tetapi hendaklah tidak terikat. Malah bekerjasama dengan politik bukan Melayu haruslah pihak parti Melayu mempunyai kekuatan, perpaduan dan ideologi tertentu iaitu agama.....”¹¹¹ Malah Hizbul Muslimin menyeru UMNO dan PKMM bersatu menghadapi kegentingan akan datang.¹¹² Bagaimanapun Hizbul Muslimin menjadi kaku apabila pemimpinnya ditangkap oleh pihak British pada 29 Julai 1948.

Dalam keadaan kekosongan pengaruh politik keagamaan ini, Biro Agama UMNO menganjur perjumpaan alim ulama seluruh Tanah Melayu di Muar pada 21 – 22 Februari 1950, kebetulan pula pemimpin Biro Agama UMNO Haji Ahmad Fuad juga bekas pelajar *Il-Ihya*. Dalam sidang kedua di Kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1951, ramai bekas ahli Hizbul Muslimin telah hadir seperti Osman Hamzah, Baharuddin Latif, Khidir Khatib dan lain-lain lagi. Dalam sidang inilah dicadangkan nama penubuhan parti berdasarkan agama dan bebas dari rusuk UMNO.

Dalam sidang Persatuan Ulama di Kepala Batas pada akhir tahun 1951 ditubuhkan *PAS* (Parti Islam SeMalaya) iaitu berikutan dari cadangan tukaran nama Persatuan Ulama kepada PAS oleh Ustaz Ahmad Maliki. Dari segi Biro Agama UMNO, kelahiran PAS terjadi berpunca dari sikap Dato' Onn yang cuba membuka pintu UMNO kepada orang bukan Melayu.¹¹³

Dalam tempoh tahun 1951 hingga 1955 terdapat beberapa perkembangan politik yang menarik di Perak. Perkembangan ini bermula dengan perletakan jawatan Dato' Onn setelah gagal menjadikan UMNO sebagai parti berbagai kaum.¹¹⁴ Per cubaan Dato' Onn ini disokong oleh penyokong setianya iaitu Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Zainak Abidin Haji Abbas, Dato' Nik Ahmad Kamil, Raja Ayub, C.M. Yusof dan Datin Puteh Mariah. Akhbar Majlis menyelar Dato' Onn:¹¹⁵

“..... (Dato' Onn) mesti ingat bahawa orang-orang Melayu pada masa ini belum mahu mengiktiraf

kehendak anak-anak dagang dengan seban selama ini mereka sentiasa memberi tetapi tidak menerima dari mereka.....”

Dalam sidang UMNO di Kuala Lumpur pada 26 Ogos 1951 YTM Tunku Abdul Rahman Putra mengambil alih pimpinan UMNO. Dato' Onn meneruskan cita-cita antara kaum dengan menubuhkan *IMP* atau Parti Kemerdekaan Malaya pada 16 September 1951.

UMNO Perak yang dipimpin oleh penyokong setia Dato Onn turut bergoncang. Dato' Bukit Gantang bertelagah dengan Tunku Abdul Rahman Putra, Yang DiPertua UMNO yang menyatakan ‘Negeri ini diterima daripada Melayu maka patutlah diserahkan balik kepada Melayu.’¹¹⁶ UMNO di bawah pimpinan Tunku juga mengubah slogan UMNO daripada ‘Hidup Melayu’ kepada ‘Merdeka’. Dato' Bukit Gantang sejak Mei 1951 lagi telah berkempen membuka pintu UMNO kepada orang bukan Melayu. Pada ketika itu Perak mempunyai 30,000 orang ahli UMNO dan merupakan UMNO negeri yang paling ramai ahli.

Pertelingkahan dengan UMNO pusat juga berlaku kerana perlombagaan baru UMNO yang membahagikan UMNO kepada Bahagian-bahagian. Pemimpin UMNO Perak berpendapat:¹¹⁷

“(Kami) tidak berniat hendak membolot semua kerusi-kerusi di dalam Majlis, tetapi Perak tidak mahu UMNO Perak dipecahkan kepada bahagian-bahagian kerana kami berkehendakkan perpaduan dan tidak berpecah-pecah.”

UMNO Perak dikuasai oleh ahli Perikatan Melayu Perak, mereka menyelar Tunku Abdul Rahman yang dianggap ‘lepas tangan’ di dalam hal ehwal agama Islam. Krisis UMNO Perak dengan UMNO Pusat bertambah tegang apabila Dato' Bukit Gantang menarik diri. Jawatan Pengurus UMNO Perak dilepaskan kepada Nasaruddin Rais, manakala ahli Jawatankuasanya dianggotai oleh penyokong Bukit Gantang yang terdiri dari Pegawai Kerajaan dan elit tradisional.¹¹⁸

Sokongan padu orang Perak kepada Dato' Bukit Gantang mula merosot apabila Dato' Bukit Gantang berura-ura menubuhkan parti politik baru yang konnaunya diberi nama *United Malayan Party*. Tindak tanduk politik Dato' Bukit Gantang kian nyata apabila beliau mengambil inisiatif mengadakan *National Conference* dengan kerjasama 6 Menteri Besar lain pada 19 Mac 1953. Sidang ini dihadiri oleh *IMP*, *MIC*, Selangor – Pakistan Association dan *SCBA*. Di ketika yang sama UMNO-MCA merancang untuk mengadakan *National Convention* bagi merangkan syor bagi penubuhan Perlombagaan Persekutuan dan Pilihanraya Persekutuan.

National Conference anjuran Menteri Besar-Menteri Besar ini menganjurkan kerjasama kaum dan cuba mengambil-alih pengaruh UMNO-MCA tetapi gagal.

Dato' Onn pejuang perpaduan turut kecewa dan kembali ke akar perjuangan

yang berteraskan Nasionalisme Melayu. Bila Dato' Onn menubuhkan *Partai Negara*, Dato' Bukit Gantang meninggalkan UMNO dan *Perikatan Melayu Perak (PMC)* lalu menubuhkan NAP (Pertubuhan Kebangsaan Perak).

Berikutnya dengan pergolakan politik itu juga orang Melayu Perak berpecah belah dari segi politik. Ini dapat dilihat dari calon yang bertanding dalam Pilihanraya 1955 yang melambangkan kepelbagaiannya sikap politik Melayu. Daripada 52 kerusi Dewan Undangan Persekutuan itu, 10 kerusi dipertandingkan di Perak. Calon Melayu bertanding di semua kawasan.¹¹⁹ Pemimpin politik Melayu ini bertanding atas tiket Perikatan (UMNO-MCA-MIC), PAS, NAP, Perikatan Melayu Perak (PMP), PPP dan sebagai calon bebas. Dalam pilihanraya ini, Perak sekali lagi mencipta sejarah iaitu dari 52 kerusi yang dipertandingkan, Perikatan gagal memenangi kerusi Krian. Sebaliknya Krian ternyata masih lagi merupakan tapak politik Melayu yang berdasarkan agama Islam.

Daripada 10 kerusi yang dipertandingkan di Perak, UMNO bertolak ansor memberikan kerusi Larut dan Matang, Ipoh dan Menglembu, dan Kinta Selatan kepada MCA, manakala Sungai Siput diberikan kepada MIC. Dengan kekalahan calon UMNO di Krian, UMNO hanya mewakili 5 kerusi iaitu Batang Padang, Dinding, Sungai Perak Ulu, Sungai Perak Hilir dan Telok Anson. Pengaruh politik Melayu Perak juga'erosot jika dilihat dari perwakilan dalam kabinet Sulong Perikatan dalam tahun 1955 itu. Tidak ada wakil UMNO Perak dalam Kabinet, calon UMNO yang mewakili Telok Anson, Bahaman Shamsuddin yang dikatakan berasal dari Negeri Sembilan hanya dilantik menjadi Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebaliknya wakil MCA dilantik menjadi Menteri (kawasan Ipoh dan Menglembu) iaitu Leong Yew Koh dilantik menjadi Menteri Kesihatan, manakala tokoh MCA Too Joo Hin yang memenangi kawasan Kinta Selatan dilantik menjadi Menteri Muda Pelajaran. MIC hanya bertanding di Sungai Siput, Perak, calonnya V.T. Shambanthan dilantik menjadi Menteri Buruh.

Dalam tahun 1953, pudarlah harapan orang Melayu Perak kepada Dato' Bukit Gantang. Di ketika yang sama UMNO Pusat bergantung kuat kepada Ghazali Jawi, tokoh harapan UMNO bagi mengumpul semula kekuatan Melayu Perak melalui UMNO. Di peringkat awal Ghazali Jawi gagal menguasai orang Melayu Krian. Ketua Pemuda UMNO Bahagian Krian, Ustaz Abd. Wahab Nor tidak mahu bertolak ansor tentang konsep Perikatan UMNO-MCA. Beliau meninggalkan UMNO dan sementelahannya beliau mempunyai asas agama yang kuat serta didorong oleh rakan seperjuangan dalam Hizbul Muslimin akhirnya Abdul Wahab Nor mempelopori dan berjuang bersamaan untuk menubuhkan PAS di Krian dan mempastikan kemenangan PAS dengan meletakkan Tokoh Agama yang disegani ketika itu, iaitu Haji Ahmad Haji Hussein yang memenangi kerusi Krian dengan undi majoriti yang tipis.¹²⁰ Kekalahan yang tipis dan kemalapan masa depan NAP telah menjanjikan harapan kepada Ghazali Jawi untuk menjadi galang ganti Dato' Bukit Gantang sebagai tempat orang Melayu Perak bergantung harap dari segi politik.

KESIMPULAN

Perak adalah sebuah negeri yang unik kerana memiliki sejarah pertapakan

organisasi politik Melayu. Bermula dengan cawangan KMM dalam tahun 1930'an, akhirnya anak-anak Perak terdorong dengan Nasionalisme Indonesia menjadikan mereka sebagai pertubuhan politik kiri. Namun keberanian, kelantangan dan idealisme perjuangan parti kiri tidak dapat dimengertikan oleh orang Melayu, lebih-lebih lagi Kerajaan British sentiasa mencengkam PKMM, AWAS, API, GERAM, BATAS dan PRKM. Risiko perjuangan politik kiri amat tinggi namun mereka terus berjuang. Perak menjadi negeri tertubuhnya PKMM, AWAS dan API. Selepas Perang, gerakan kiri menempah dilema. Pemimpin politik kiri Melayu bukan sahaja gagal berdaulog dengan British tetapi dikalahkan oleh Melayu. Serpihan dari perjuangan mereka itu, ada yang terpaksa terus berjuang menentang British melalui penyertaan dalam gerombolan penganas komunis. Ada yang terus berjinak dalam politik tahun 1950'an sebagai pemimpin Partai Rakyat dan Partai Buruh, di samping ada yang 'ke kanan' melalui UMNO.

KMM dan PKMM serta PUTERA dijiwai oleh ahli politik Melayu lulusan Sekolah Inggeris, Maktab Perguruan dan Sekolah Melayu, ada juga lulusan Sekolah Agama. Keadaan latar belakang pendidikan ini serupa dengan UMNO. Di ketika orang Melayu masih jauh ketinggalan muncullah pemimpin Melayu meneraju kepemimpinan UMNO, mereka kebanyakannya adalah elit tradisional berpendidikan barat. Orang Melayu kampung yang miskin dalam serba serbi amat bergantung harap kepada elit istana ini memperjuangkan mereka. Paling bijak bagi rakyat Melayu ketika itu ialah guru SITC, Ahli Agama kurang pula menyertai UMNO. Keadaan ini menyebabkan dalam tahun 1950'an pemimpin UMNO menjadi mangsa permainan politik bangsa yang lebih maju dan cerdas. Bagi setengah orang Melayu kemerdekaan yang diperjuangkan oleh UMNO merupakan kos yang paling mahal dan tertanggung atas jemala politik Melayu untuk sebuah kemerdekaan negara milik nenek moyangnya. Penjajah British sentiasa mempedayakan pemimpin Melayu yang akhirnya menunjukkan kegagalan pemimpin Melayu serta kemelesetan mutu pimpinan pada kaca mata orang bukan Melayu. Dato' Onn menjadi mangsa dalam hal 'tolak ansor' awal ini. Sehingga tahun 1969, orang Melayu dalam UMNO amat taat kepada pemimpin.

Dari segi perjuangan orang Melayu untuk mencapai kemerdekaan, UMNO adalah pertubuhan yang dapat menyempurnakan cita-cita tersebut.

Di saat UMNO 'bertolak ansor' dengan kaum lain inilah, PAS mula kelihatan membentuk pemolitikan isu yang berhubung dengan kepentingan Melayu. Ilyya-Assyariif menjadi tapak pertumbuhan parti politik berdasarkan Islam sebagai landasan perjuangannya. Perak mencipta sejarah memulakan pertapakan PAS dalam politik negara ini. Di Kelantan PAS membuat percubaan awal tetapi gagal, calon-calon PAS yang kebanyakannya tokoh Agama dan ramai juga bekas pelajar II-lhya Assyariif tidak putus asa. Dalam pilihanraya 1959, PAS kehilangan kerusi di Krian, tetapi di Kelantan PAS berupaya menguasai Dewan Undangan Negeri Kelantan. Sejak itu PAS bertapak pula di Kelantan. Namun demikian, di kawasan Krian, yang majoritiannya bermula sebagai masyarakat yang berhijrah dari Indonesia, begitu juga Bagan Datok terus mempunyai ramai ahli yang terus bersama PAS sehingga kini.

LAMPIRANA

JAWATANKUASA PENGASAS
PERIKATAN MELAYU PERAK

27 JANUARI 1946

Yang DiPertua	—	Dato' Panglima Bukit Gantang Abdul Wahab Toh Muda Abdul Aziz
Naib Yang DiPertua I	—	Haji Ismail Hamzah (Mufti Perak)
Naib Yang DiPertua II	—	Toh Muda Panglima Bukit Gantang Hashim.
Naib Yang DiPertua III	—	Raja Haji Ahmad
Setiausaha	—	Raja Mohar
Penolong Setiausaha	—	Haji Zainuddin
Bendahari	—	Toh Muda Wan Mohd. Nor

JAWATANKUASA PERIKATAN

MELAYU PERAK 1946


Yang DiPertua	—	Dato' Panglima Bukit Gantang
Naib Yang DiPertua	—	Encik Zainal Abidin Haji Abbas
Setiausaha	—	Encik Hashim
Bendahari	—	Raja Haji Ahmad
Pegawai Hal Ehwal Agama	—	Haji Ismail Hamzah
Pegawai Hal Ehwal Ekonomi	—	Encik Wan Mohd. Nor
Pegawai Hal Ehwal Penerangan	—	Toh Muda Hashim
Pegawai Hal Ehwal Pelajaran	—	Dr. Megat Khas
Peg. Hal Ehwal Perhubungan Antarabangsa	—	Raja Haji Shahar Shah

Jawatankuasa Khas Malayan Union

Pengerusi	:	Zainal Abidin Haji Abbas
Ahli	:	Raja Kamarulzaman
		Encik Sulaiman Drus
		Megat Yunus Megat Mohd. Isa

RANGKAJAN PERGERAKAN KEBANGSAAN MELAYU PERAK

1935 – 1955



RUJUKAN

1. Hans Kohn, *The Idea of Nationalism*, New York, 1944.
2. Boyd C. Shafer, *Nationalism – Myth and Reality*, New York, 1955.
3. A.D. Smith, *Theories of Nationalism*, London, 1971.
4. K.R. Minogue, *Lationalism*, London, 1967.
5. E.H. Carr, *Nationalism and After*, Oxford, 1945.
6. Lihat J.M. Pluvier, Malayan Nationalism: "A Myth", *Journal of the Historical Society*, University of Malaya, Kuala Lumpur, Vol. VI, 1967/68, h. 41 – 50.
7. Lihat Cheah Boon Kheng, "Asal Usul dan Asas Nasionalisme Malaya," dalam R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail, *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1985, h. 61 – 101 dan James P. Ongkili, "Malaysia 1946 – 1973: Nation Building and the Problem of Communalism," (Tesis PHD, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1980.)
8. Radin Soenarno, "Malay Nationalism 1960 – 1945", diterbitkan dalam *JSEAH*, I(1), Mac 1960, hal 1 – 28.
9. Ishak Tadin, "Dato' Onn and Malay Nationalism, 1946 – 1951", *JSEAH*, 2, 1960, hal 55 – 88.
10. Alwee Jantan, "Trengganu 1945 – 1957, A Study of Political Development," Latihan Ilmiah, 1958 (tidak diterbitkan).
11. W.R. Roff, *The Origin of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1967.
12. Khoo Kay Kim, "Latar belakang Sejarah Masyarakat India dan Cina di Tanah Melayu", *JEBAT*, Bil. 1, 1971/72, hal. 14 – 23.
13. Ibid, hal. 18.
14. Ibid, hal. 22.
15. Perbincangan lanjut lihat J.M. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, (London: The Athlone Press, 1969).
16. Lihat D.D. Chelliah, *A History of the Educational Policy of the Straits Settlement*, (Singapore, 1960), passim.
17. J.M. Gullich, *Malaya*, (London, 1963), h. 203.
18. Mengenai Perkembangan Sekolah Melayu dan Maktab Perguruan Melayu sila lihat Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974) hal. 1 – 140.
19. Ibid, h. 38.
20. Lihat Mustapha Kassim, "Maktab Melayu Matang Perak 1913 – 22", (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah, UKM, 1974).
21. Awang Had Salleh, op. cit. 89 – 141.

22. Lihat Ismail Salleh, "Inteligensia Didikan Melayu Dalam Politik Tanah Melayu 1920'an – 1945", *Jurnal Sejarah*, Jilid X.
23. Lihat tulisan W.R. Roff, *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, Monograf PBMUM, 1967.
24. Berdasarkan Kajian Ismail Sudin, "Beberapa Aspek Sejarah Sosial Kuala Kangsar," *Jurnal Sejarah*, X, 1971/72, h. 42 – 54.
25. Ibid, h. 44.
26. Ibid, h. 45
27. Ibid.
28. Ibid h. 52.
29. Cheah Boon Kheng "Asal Usul dan Nasionalisme Melayu", h. 89.
30. Ibid.
31. Pengkisahan lanjut mengenainya sila lihar Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934 – 1959*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah UKM, 1976.
32. Ibid, h. 77.
33. Lihat Badriyah Haji Salleh, *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiyah-Salihiah 1941 – 1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1984, h. XXIV. Di tahun 1528, dalam rombongan Sultan Muzaffar Shah I termasuklah Sheikh Ibrahim Mahmud dari Kampar Sumatera dan menetap di Bota Kanan, hari ini dikenali sebagai Padang Marhum. Kehadiran Sheikh Ibrahim menunjukkan Perak Tengah menjadi pusat pengajian agama Islam di abad ke 16 itu.
34. Mengenai pehijrahan orang Jawa sila lihat Khazin Mohd. Tamrin, *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan 1880 – 1940*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984).
35. Madrasah Haji Salleh bermula dari sebuah surau di belakang rumahnya, kemudian dibina rumah panjang sebagai asrama dan dinamakan Madrasah al-Arabiah, 1930 dibina satu lagi Madrasah yang dinamakan al-Jawawiah. Dalam tahun 1934 bangunan baru bagi Madrasah asal siap dibina dan diberi nama Madrasah al-Saadiyah. Satu lagi Madrasah untuk pelajar perempuan dirasmikan dalam tahun 1955 dinamakan Madrasah al-Salihiah. Badriyah Haji Salleh, *Kampung Haji Salleh*, h. 4 – 10.
36. Mengenai Sejarah Madrasah ini sila lihat Sabri Haji Said, *Madrasah Al-Ulum Al-Syariah Perak 1937 – 1977: Satu Kajian Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.
37. Ibrahim Haji Yaacob *Sekitar Malaya Merdeka*, Djakarta: Kesatuan Malaya Merdeka, 1957, h. 21.
38. Roff, *Nationalism*, h. 280.
39. U.A. Aziz dan T.H. Silcock, "Nationalism in Malaya: The Impact of the

Japanese Occupation" dlm W.L. Holland (ed.) *Asian Nationalism and the West*. New York: Octagon Books, 1973, h. 285.

40. Akhbar *Majlis*, 22 September 1937.
41. Ibrahim Haji Yaacob, *Malaya Merdeka*, h. 24
42. Ibid, h. 25.
43. Lihat Abdul Wahid Jamaluddin, 'Sejarah Pertumbuhan Partai-partai Politik Melayu Negeri Perak' 1945 – 50 (Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, UKM, h. 38).
44. Ibid.
45. Keterangan ringkas mengenai PKM sila lihat Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, (London: Hodder and Stoughton, 1976), h. 68 – 78. G.Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya* Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1971, dan Harry Miller, *Jungle War in Malaya*, The campaign gainst Communism 1948 – 60, Kuala Lumpur: Eastern Universities Press Sdn. Bhd, 1981.
46. Lihat Yee Fong Leong, "Chinese Politics and Political Parties in Colonial Malaya 1920 – 1940: A Study of The Komintang and the Malayan Communist Party", (MA, USM, 1977).
47. Means, *Malaysian Politics*, h. 68.
48. Yap Hong Kuan, "Perak Under the Japanese, 1942 – 1945", (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Univerisiti Malaya, S'Pura, 1957, hal. 2).
49. Mengenai pertempuran di Kedah sila lihat Fawzi Basri, "Koseku dan Operasi Matador: Satu Kajian Mengenai Pertempuran Jepun-British di Kedah 1941 – 1942", dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Malaysia, Kedah, 1983, h. 137 – 156.
50. Yap Hong Kuan, "Perak", h. 8.
51. Ibid.
52. Ibid, h. 11, diketuai oleh Lim Soo Lye dan dibantu oleh Khoo Kim Seong, Lim Ho Soon dan Lau Chin Soon.
53. Yap Hong Kuan, "Perak" h. 13. Beberapa orang Inspektor Polis berkhidmat dalam Perkhidmatan Polis Jepun, iaitu Surmukh Singh (OCPD Ipoh), Zainal Abidin (AOC Tokoka Ipoh), Kwong Tse Kim (K. Kangsar, Sungai Siput), Che Wan Sheikh Abd. Rahman (Kuala Kangsar, T. Intan), Chanda Singh (S. Siput Tronoh), Bhagat Singh Kampar, Setiawan), Leong Boon Swee (Sg. Siput), J.J. Raj (Taiping), Che Mohd. Salleh (Tapah), G.E. Pavjee (Ipoh, Sg. Siput) Tong Kwan Pun (Sg. Siput, Polis Khas Ipoh), Lee Keat Seong (Taiping), Ipoh), Mohd. Noor Ahmad (Taiping), Raja Yahya Raja Mahdi (T. Intan), Chan Yoon Lam (Kampar) dan Low Ghee Beng (Setiawan).
54. Ibid, h. 14
55. Ibid, h. 17
56. Ibrahim Haji Yaacob, *Malaya Merdeka*, h. 27.

57. Lihat Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941 – 1946*, (S'pura: Singapura University Press, 1983), h. 58 – 60. PKM yang mahu menubuhkan Republik Komunis berbagai kaum telah mengambil inisiatif mengrekut penduduk tempatan menjalani latihan sabotaj dan gerila di 101 Special Training School (STS) di Singapura yang dijalankan oleh Pegawai British dalam *Special Operation Executive* (SOE) Cawangan Malaya. Bekas pelatih PKM yang lulus dari 101 STS ini menjadi nuklias penubuhan MPAJA. Rekrut untuk latihan di lol STS ini diambil hantar ke Selangor, Negeri Sembilan, Johor Utara dan Johor Selatan dalam tahun 1942. Kumpulan sabotaj dan gerila ini dikenali oleh PKM sebagai Regimen bebas MPAJA yang mengandungi lima regimen kesemuanya. Di Perak dikenali dengan Regimen Bebas Pertama MPAJA, ditubuhkan pada 1 Disember 1942.
58. Ibid, h. 102
59. Ibid, h. 107
60. Joyce C. Lebra, *Japanese Trained Armies in Southeast Asia: Independence and Volunteer Forces in World War II*, Hong Kong: Heinemann, 1977, h. 120.
61. Ibid.
62. Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan ke Puncak*, Kuala Lumpur: Pustaka Kejora, 1972, h. 3.
63. Lihat Y. Hagaki,: Some Aspect of The Japanese Policy for Malaya Under the Occupation with Special Reference to Nationalism,” dlm K.G. Freegoning, *Paper on Malayan History*, S'pura, 1962, hal. 263.
64. Ibrahim Haji Yaacob, *Malaya Merdeka*, h. 29.
65. Ibrahim Hj. Yaacob dan Dr. Burhanuddin mengadap Sultan Abdul Aziz Perak pada 13 Ogos bagi membincangkan nama delegasi Tanah Melayu dan telah diperkenankan iaitu Ibrahim Yaacob, Dr. Burhanuddin, Onan Sirafi Hassan — mereka mewakili KRIS. Manakala wakil Raja raja Melayu ialah Sultan Abdul Aziz Perak, Tengku Musa Uddin, Selangor, Datuk Bandar Sungai Ujung dan Tengku Mahkota Johor, R. Soenarno, “Nationalism” h. 21.
66. Ibrahim Yaacob, *Malaya Merdeka*, h. 32 – 33.
67. Lihat kisah Bintang Tiga dalam Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, h. 148 – 194, Chin Kee Oon, *Malaya Upside Down*, (S'pura: Jitts & Co., 1946), h. 202, Latihan Ilmiah Hamzah Mohamad, “The 14 days Terror, Before, During and After,” (Universiti Malaya, 1970).
68. Ghazali Basri, “Hilir Perak” “Sejarah Hubungan Ras Zaman Pendudukan Jepun sehingga Pemerintahan Tentera British, 1942 – 1946”, (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1974).
69. Lihat Yahya Adn. Wahib, “Peristiwa Bintang Tiga di Sungai Bayor Selama, Perak” (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UKM, 1977/78).
70. Libat Akhbar Warta Negara, Bil. 86, 11 April 1946.

71. Mohd. Daim Dahalan, "Hubungan China-Melayu di mukim Layang-layang, Parit, Perak," (Rencana Panjang Universiti Malaya, 1975).
72. Kamaruddin Mohd. Piah, "Kampung Behor Sejak 1900: Satu Kajian Sejarah Tempatan dengan Rujukan Khas kepada Tragedi 6 Mac 1946" (Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1974).
73. Lihat Akhbar *Seruan Rakyat*, Bil. 54, 7 Januari 1946.
74. Mengenai hal ini lihat Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay Politics: Its Origin and Early Development*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 1985.
75. Lihat Alias Mohammad, *Wasiat Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Pub., 1980, h. 2 – 4.
76. Ahmad Boestamam, *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*, Kuala Lumpur: Pustaka Kejora, 1972, h. 3.
77. Ahmad Boestamam, *Memoir Tentang Penulis*, Kuala Lumpur: DBP, 1979, h. 43. PKMM dikatakan berjuang untuk merdeka dalam *Indonesia Raya* dan mengikut British PKMM adalah untuk "Unit all classes of Malays, imbue into the hearts of Malay People the national spirit and to work for the establishment of a Malayan Republicat part of the Republik of Indonesia" dan dikatakan mahu mengwujud kerajaan pusat 'Malay Union', lihat Abdul Latif Sehan, 'Politick' attitude of the Malays 1945 – 53' (S'pura, 1959), h. 12.
78. Butir lanjut sila baca A.H. Stockwell, "British Policy and Malaya Politics During the Malayan Union Experiment, 1942 – 1948", *MBRAS Monograph No. 8*, (1979), J. De V. Allen, *The Malayan Union*, New Haven, Conn., 1967.
79. Mohammad Yunus Hamid, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1961, h. 10.
80. Ibid.
81. *UMNO Sepuluh Tahun*, P. Pinang, Daud Press, 1956, h. 18.
82. Ibid, 19 – 20.
83. Perikatan Melayu Perak (PMP) ditubuhkan pada 27 Januari 1946 selepas konvensyen Melayu Perak dari 23 – 24 Februari 1946. PMP mempunyai 17 cawangan seluruh Perak dengan ahli seramai 15,000.
84. Musa Ahmad dilahirkan di Pengkalan Bahru, Ipoh, mendapat didikan Sekolah Melayu. Kemudian sekolah Al-Mashor Pulau Pinang dan sekolah Lanjutan Anglo Chinese, P. Pinang. Beliau tertarik dengan politik semasa di Al-Mashor 1934 – 41, dan menjadi ahli KMM, kemudian terlibat dalam PKMM, memimpin *Barisan Tani* dan kemudian menjadi Pengurus PKM (1955) dan menetap di Peking dari 1955 – 80, kemudian kembali semula ke Malaysia.
85. Mohamad Yunus Hamid, *Sejarah Pergerakan*, h. 41 – 42.
86. Ibid, h. 42.
87. Ibid, hal. 48.

88. Ibid, hal 61 – 65.
89. Ibid, 65 – 68.
90. A.J. Stockwell, “British Policy and Malay Politics”, h. 69 – 70.
91. Alias Mohammed, *Wasiat Nasionalisme Melayu*, h. 4.
92. Sehingga tahun 1950, UMNO adalah merupakan gabungan Persatuan Melayu di negara ini. PKMM juga bergabung dalam UMNO sebagai front orang Melayu menentang Malayan Union. Dari segi kepemimpinannya ketika UMNO adalah dipengaruhi oleh aristokrat atau elit tradisional.
93. Sebab sebenar PKMM meninggalkan UMNO yang dianggotainya empat bulan itu lihat Ahmad Boestamam, Dr. Burhanuddin, h. 12.
94. *Utusan Melayu*, 14 Oktober 1947, h. 2 Sebanyak 17 cawangan telah hadir.
95. AMCJA dianggotai oleh *Malayan Democratic Union (MDU)*, *Malayan New Democratic Youth League (MNDYC)*, *MPAJ Ex Service Conrade Association*, dan *Pan Malayan Trade Union*.
96. Zainal Abidin Wahid (ed.) *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, (Kuala Lumpur: DBP, 1979), h. 134.
97. Sila lihat Burhanuddin Mohd Nor, *Perjuangan Kita*, (Singapura; 1946), h. 52 – 53.
98. Di antara yang ditangkap mulai 21 Disember 1949 ialah Haji Tusin, Badrun Haji Yasin (Gunong Semanggol), Mohd. Isa Sulaiman, Rashid Maidin.
99. Sabda S dan Wahba, *Musa Ahmad*, h. 193.
100. Ibid, h. 194.
101. Lihat Maymon Ariff, “UMNO semasa beribu pejabat di Perak – 1946 – 1949”, (*Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UKM*, 1974).
102. Ibid, h. 108
103. Ibid, h. 110.
104. Nabi Hj. Abdullah, *Il-Ihya Assuariff*, h. 110.
105. Ibid, memetik *Utusan Melayu*, 30 Jun, 1947, hal. 2
106. Ibid, hal. 132 memetik *Utusan Melayu*, 25 Julai 1947, hal. 5
107. Ibid, hal. 170 memetik *Utusan Melayu*, 26 Mac 1948.
108. Lihat *Utusan Melayu* 17 Mac 1948 (hal. 1), 27 Mac 1948 (hal. 2), 28 Mac 1948 (hal. 4) dan 28 Jun 1948.
109. Nabir Haji Abdullah, *Il-Ihya Assyariff*, h. 171.
110. Ibid, h. 189.
111. Ibid, hal. 191.
112. *Utusan Melayu*, 31 Julai 1948, hal. 8.

113. UMNO Sepuluh Tahun, hal. 59 – 61.
114. Perbincangan mengenai hal ini dapat diikuti dari Ramlah Adam. *UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik*, Kota Bahru, Mohd. Nawi Store, 1978, hal. 136.
115. Majlis, 20 Jun 1950, hal 2.
116. UMNO 10 Tahun, hal 146.
117. Suara UMNO, Bil. 17, Jilid I, 15/10/51.
118. UMNO Perak 1951 terdiri dari Nasaruddin Rais (Pengerusi), C.M. Yusof (Timbalan Pengerusi), Khadijah Aziz (Naib/Pengerusi Wanita), Raja Omar (Setiausaha), Abdul Aziz Yub (Penolong Setiausaha), Yaakob (Bendahari), AJKnya terdiri dari Mahmud (Chemor), Tajuddin (Lenggong), Raja Musa (Ipoh), Dr. Megat Khas (Ipoh), Ismail dan Mohd. Ramli (K. Kangsar), Raja Shah Kobat (Ipoh), Ismail dan Mohd. Ramli (K. Kangsar), Raja Shah Kobat (Ipoh), Abdullah Udi (Taiping), Ghazali Jawi (Sg. Manik), dan Raja Haniff Shah (K. Kangsar).
119. T.E. Smith, *Report of the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*, 1955, hal. 65 – 70.
120. Ibid, h. 69.
- | | |
|--------------------------------------|------------|
| Haji Ahmad Haji Hussein (PAS) – | 8,685 undi |
| Haji Sulaiman Haji Ahmad (Perikatan) | 8,235 undi |
| Mohd. Jan Ngah Mohd (NAP) | 3,315 undi |
| Jumlah Kertas Undi yang ditolak | 1,071 |
| Jumlah Pengundi yang berdaftar | 27,239 |
| Peratus Pengundi yang mengundi | 78.3% |